



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 7771]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1980 dan 1980)

Jawatankuasa (Hari Pertama)

Jadual Pertama:

Maksud B. 30 [Ruangan 7837]

Maksud B. 33 [Ruangan 7837]

Maksud B. 42 [Ruangan 7849]

Jadual Kedua:

Maksud B. 24 [Ruangan 7802]

Maksud B. 25 [Ruangan 7811]

Maksud B. 26 [Ruangan 7826]

Maksud B. 27 [Ruangan 7835]

Maksud B. 33, B. 34 dan B. 35 [Ruangan 7837]

Maksud B. 38 [Ruangan 7848]

Maksud B. 40 dan B. 42 [Ruangan 7850]

KANDUNGANNYA (Samb.)

Maksud B. 47 [Ruangan 7856]

Maksud B. 50 [Ruangan 7863]

USUL:

Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4), 1980

Jawatankuasa (Hari Pertama)—

Maksud P. 23 [Ruangan 7802]

Maksud P. 24 [Ruangan 7826]

Maksud P. 28 [Ruangan 7836]

Maksud P. 29 [Ruangan 7836]

Maksud P. 36 [Ruangan 7848]

Maksud P. 37 [Ruangan 7849]

Maksud P. 39 [Ruangan 7850]

Maksud P. 47 [Ruangan 7856]

Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1981

Jawatankuasa (Hari Pertama)—

Maksud P. 24 [Ruangan 7802]

Maksud P. 26 [Ruangan 7826]

Maksud P. 28 [Ruangan 7835]

Maksud P. 32 [Ruangan 7837]

Maksud P. 33 [Ruangan 7837]

Maksud P. 38 [Ruangan 7848]

Maksud P. 41 [Ruangan 7850]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL**,
P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD**, S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P., D.P., D.U.P.N. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **DATO' MUSA HITAM**, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, **DATO' LEE SAN CHOON**, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI**, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Luar Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE**, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Am, **DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI**, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL**, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, **Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH**, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Kesihatan, **TAN SRI CHONG HON NYAN**, P.S.M., J.M.N., (Batu Berendam).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **DATO' SERI SHARIFF AHMAD**, S.S.A.P., D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

„ Menteri Penerangan, **DATO' MOHAMED BIN RAHMAT**, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N., (Pulai).

„ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, **DATO' RICHARD HO UNG HUN**, D.P.M.P. (Lumut).

„ Menteri Perusahaan Utama, **DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG**, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, **DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN**, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).

„ Menteri Tenaga Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROKE**, P.N.B.S. (Kanowit).

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN PENGIRAN HAJI RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO' ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO' MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Dato' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAFA (Paloh).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSMERY CHONG, D.P.M.S., S.M.S. (Ulu Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan
Kemajuan Wilayah, PUAN SHARIFAH DORAH BINTI SYED MOHD.,
A.M.N., B.S.I., P.I.S. (Semerah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN
MAHYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan)
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar
Bahru).
- „ TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K.,
S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ TAN SRI DATO ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K.
(Jelebu).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).
- „ DATUK PATINGGI HAJI TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J.,
P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATOK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota
Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYONG, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P.
(Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang
Padang).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN EDWIN ESNEN UNANG (Mukah).

- Yang Berhormat DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ DATO HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Bentong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).

Yang Berhormat TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).

- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD HAJI TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).

- Yang Berhormat TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B.
(Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K.
(Kuala Kangsar).
- „ DATO STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ DATO HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN
MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Pematang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya bin Manap.

Penyunting: P.B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 7hb Disember, 1981

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN
PERLEMBAGAAN/UNDANG-UNDANG
MALAYSIA

1. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau akan mengikut jejak langkah Perdana Menteri yang lalu dalam mempertahankan asas-asas Perlembagaan Negara yang ada sekarang sebagai yang paling sesuai dan kerana itu tidak bercadang untuk merombaknya supaya prinsip-prinsip dan undang-undang Islam menjadi sumber utama undang-undang di Malaysia.

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, Perkara 3 (1) Perlembagaan Persekutuan menjamin kedudukan Islam sebagai Ugama Persekutuan dan Kerajaan selama ini telahpun mentadbir negara dengan berpandukan kepada peruntukan asas Perlembagaan ini. Tidak pernah sekalipun sesuatu dibuat sehinggakan menyimpan daripada kedudukan Islam sebagai agama Malaysia dan saya ingin menyatakan dengan sesungguhnya di sini bahawa Kerajaan sentiasa berhasrat untuk terus menegakkan Islam di tempat utama yang didudukinya dalam negara ini sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan kita.

Sayugia diingatkan bahawa Perlembagaan ini dan dasar ini jugalah yang diterima oleh

Parti PAS di masa ia berada dalam Kerajaan dahulu. Juga perlu ditegaskan bahawa negara-negara yang penduduknya terdiri lebih ramai dari orang Islam tidak juga mengadakan Perlembagaannya lebih baik dari Perlembagaan kita dari sudut Islam. Perlembagaan kita yang telah tahan diuji semasa semenjak kemerdekaan 24 tahun lalu dan telah terbukti sebagai yang paling sesuai sekali dengan keperluan kita akan terus dikekalkan sebagai undang-undang utama Malaysia dan Islam sebagai agama rasmi negara.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan tadi Yang Amat Berhormat merujuk kepada Fasal 3 Perlembagaan negara. Adakah pada pentafsiran Kerajaan bahawa Fasal 3 itu memberikan suatu peruntukan bahawa yang menjadi asas kepada perundangan Malaysia ialah undang-undang Islam.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Fasal 3 (1) itu membolehkan Kerajaan menggunakan Islam sebagai panduan kepada pentadbiran negara kita.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin dapat tahu sebagaimana yang dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi Ugama Islam adalah sebagai agama rasmi, maka dengan ugama ini juga kadang-kadang ugama dan kebangsaan dibawa oleh setengah-setengah golongan memecah-belahkan kaum menjadikan isu sebagai tuduh-menuduh dan berbagai-bagai lagi. Apakah langkah tindakan kalau akan dijadikan isu ugama ini membawakan pecah-belah. Adakah tindakan akan diambil oleh pihak Kerajaan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kalau didapati perbuatan ini membawa kepada keburukan dan kelemahan kepada agama Islam maka terpaksa Kerajaan memikir sama ada tindakan perlu diambil atau tidak.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita maklum, perkara agama adalah hak kedaulatan negeri-negeri. Saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sama ada beliau sedar atau tidak sedar bahawa selama 18 tahun yang lalu di Kelantan sama ada ada atau tidak percubaan dari segi Kerajaan Negeri Kelantan untuk meninjau semula semua undang-undang yang ada dalam negeri itu dan menjadikannya supaya sesuai dengan undang-undang Islam.

Tuan Yang di-Pertua: Itu luar daripada soalan asal.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tercatat juga dalam Perlembagaan bahawa hak agama adalah di tangan negeri-negeri, ini bermakna bahawa kuasa yang ada pada Kerajaan Persekutuan adalah terhad dan terbatas dalam hal ini. Jadi bagaimanakah kalau Kerajaan Persekutuan hendak menyamakan dari segi tindakan atau dari segi konsepnya dengan apa yang wujud dalam Perlembagaan dengan kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi bahawa Kerajaan akan menjadikan Fasal 3 itu sebagai asas untuk melaksanakan dasar-dasar Islam dalam mentadbir negara.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, walaupun negeri-negeri mempunyai kuasa-kuasa yang terkeluar daripada bidang kuasa Kerajaan Persekutuan tetapi oleh kerana dengan izin Allah s.w.t. negeri-negeri di dalam Malaysia ini ditadbirkan oleh parti-parti yang secukup dengan parti Kerajaan pusat maka adalah mudah bagi kita memujuk mereka untuk menggunakan kuasa mereka mengikut seperti yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan.

BIRO SIASATAN NEGARA

2. **Tuan Peter Paul Dason** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah aduan-aduan

mengenai rasuah yang diterima dan jumlah siasatan-siasatan yang dijalankan oleh Biro Siasatan Negara sejak ditubuhkan hingga 31-8-1981 dan jumlah pendakwaan yang dijalankan akibat siasatan-siasatan tersebut, dan dari orang-orang yang didakwa itu, berapakah dari mereka yang terdiri dari:

- (i) Pegawai-pegawai Kerajaan;
- (ii) Anggota-anggota Pasukan Polis dan Angkatan Tentera;
- (iii) Wakil-wakil Rakyat;
- (iv) Ahli-ahli berbagai-bagai Majlis Tempatan yang dilantik; dan
- (v) Pegawai-pegawai Biro Siasatan Negara sendiri.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, semenjak Biro Siasatan Negara ditubuhkan pada tahun 1973 hingga 31-8-81 sejumlah 2,600 aduan mengenai rasuah telah diterima dan semua aduan itu telah disiasat.

Hasil daripada siasatan yang telah dijalankan ialah sebanyak 1,228 pendakwaan telah dijalankan.

Daripada jumlah ini bilangan mereka dari golongan yang berikut yang didakwa ialah:

Pegawai-pegawai Kerajaan	707 orang
Anggota-anggota Pasukan Polis dan Angkatan Tentera	233 orang
Wakil Rakyat	7 orang
Ahli-ahli berbagai Majlis Tempatan yang dilantik	Tiada
Pegawai-pegawai Biro Siasatan Negara	1 orang

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menurut jawapan tadi saya ingin mendapat tahu 1,228 yang didakwa ini berapa kes-kes yang sudah diconvicted dan selepas conviction itu apakah tindakan telah diambil mengenai orang-orang yang sudah diconvicted itu?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, untuk bilangan yang tepat saya terpaksa mendapat notis terlebih dahulu tetapi bila mereka telah diconvicted seperti kata Ahli

Yang Berhormat tentulah hukuman yang dikenakan oleh mahkamah akan dijalankan ke atas mereka

Tuan. Lim Cho Hock: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan bahawa Kerajaan akan menukar BSN kepada Agensi Anti-Rasuah dan bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetapkan satu hari yang awal untuk pertukaran itu oleh kerana orang ramai telah tidak percaya dengan kerja-kerja BSN oleh kerana siasatan BSN adalah terlalu lewat dan mengambil masa yang panjang sekali?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, efektif atau tidak BSN ini bukan bergantung kepada nama. Tetapi namanya perlu ditukar kerana apabila dipanggil Biro Siasatan Negara maka kita dapati bahawa tugas-tugas yang sepatutnya dipertanggungjawabkan kepada orang lain ataupun Jabatan-jabatan lain telah juga dipertanggungjawabkan kepada BSN. Sebab itu kita ingin menukar namanya supaya dapat kita menumpukan perhatian BSN ini kepada masalah-masalah rasuah sahaja.

Tentang kepercayaan orang ramai kepada BSN atau tidak, ini adalah satu perkara yang tidak boleh ditentukan oleh Ahli Yang Berhormat seorang sahaja kerana kita dapati ramai daripada rakyat mempunyai kepercayaan kepada BSN sebab itu mereka mengantar surat-surat komplek kepada BSN yang mana hampir kesemuanya telah disiasat oleh pihak BSN.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyebutkan tentang 7 orang Wakil Rakyat telah didakwa. Saya hendak bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adakah ini menunjukkan bahawa tokoh-tokoh politik langsung tidak terlepas dari tindakan BSN dan kedua, apakah ini bererti bahawa BSN tidak dapat dipengaruhi oleh parti politik yang memerintah negeri ini?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, memang benar BSN ini tidak kenal bulu, siapa juga yang terlibat dengan rasuah sama ada dia besar, orang kecil ataupun orang pertengahan mereka akan disiasat oleh pihak BSN.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini kerana memandangkan begitu tingginya bilangan pegawai-pegawai Kerajaan yang sudah didakwa di mahkamah kerana terlibat dalam rasuah-rasuah yang berkenaan, adakah Yang Amat Berhormat sedar kerana adanya beberapa kelemahan dalam BSN sehingga begitu banyaknya kes tidak boleh dijalankan terutamanya di antara 2,600 lebih ini hanya 1,200 boleh dijalankan dan didakwa. Jika Yang Amat Berhormat sedar, maka apakah tindakan-tindakan yang berkesan telah diambil bukan sahaja mengubah nama BSN, juga untuk merombak BSN sendiri?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya BSN sedang disusun semula dengan penambahan pegawai-pegawai dan juga dengan menyusun satu cara pentadbiran yang lebih berkesan lagi.

Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, di dalam siasatan yang dilakukan oleh Biro Siasatan Negara selama ini adakah bersendirian sahaja atau bekerjasama dengan Jabatan-jabatan yang lain dan apakah Jabatan-jabatan yang diminta untuk bekerjasama dengan BSN.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, biasanya BSN menjalankan siasatan mereka sendiri tanpa mendapat pertolongan daripada pihak-pihak yang lain kerana BSN kadangkala terpaksa membuat siasatan terhadap pihak-pihak yang lain yang ianya mungkin ingin mendapat pertolongan. Sebab itu untuk menjaga kebebasan BSN terpaksa ianya menjalankan tugas secara bersendirian.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, oleh kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru sebentar tadi mendedahkan ada juga pegawai-pegawai Biro Siasatan Negara sendiri yang telah didakwa di mahkamah kerana terlibat dalam rasuah, apakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mempunyai keyakinan bahawa orang ramai masih lagi mempunyai keyakinan terhadap BSN walhal mereka sekarang mendapati bahawa ada pegawai BSN sendiri yang berasuah dan apakah tindakan-tindakan pihak Kerajaan akan

mengambil untuk meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap BSN dalam hal memperlindungi kepentingan dan hak rakyat biasa?

Tuan Yang di-Pertua: Kedua-dua jawapan kepada soalan tambahan itu telah ada dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat tadi. Barangkali Yang Amat Berhormat hendak menambah lagi, sila.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan bahawa BSN sanggup mengambil tindakan terhadap pegawainya sendiri menunjukkan betapa BSN ini bertindak secara bertanggungjawab dan ini sudah tentu akan meyakinkan rakyat kepada kejujuran BSN sendiri.

BARANG BARANG TIRUAN/PALSU

3. Tuan Haji Umar bin Haji Ismail minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan setakat manakah meluasnya kegiatan pihak-pihak tertentu membuat barang-barang tiruan/palsu seperti alat ganti kenderaan, bahan makanan-makanan, ubat-ubatan dan sebagainya di negara ini, apakah langkah yang diambil bagi mengatasi dan membasmi perbuatan jahat ini.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya menyedari akan wujudnya kegiatan setengah pihak tertentu di dalam pembuatan dan pederahan barang-barang tiruan atau palsu di negara ini. Walau bagaimanapun, ingin saya menegaskan bahawa amalan perdagangan yang tidak sihat ini bukanlah berlaku secara berleluasa tanpa pengawasan dan kawalan dari pihak Kerajaan. Dengan menyedari hakikat bahawa kegiatan ini perlu dibanteras, sukacita dinyatakan iaitu pegawai-pegawai Kementerian saya senantiasa bergiat di dalam melakukan pemeriksaan, pengawasan dan seterusnya mengambil tindakan undang-undang terhadap golongan ini dengan berdasarkan kepada kuasa-kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta Perihal Dagangan, 1972. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di sepanjang tahun ini sehingga 30hb November, Kementerian saya telah mengambil tindakan ke atas 262 peniaga-peniaga yang mana barang-barang tiruan

bernilai kira-kira \$2 juta telah dirampas. Pecahan nilai barang-barang yang dirampas adalah seperti berikut:

Bahan makanan	\$138,000
Bahan binaan	\$ 2,600
Ubat-ubatan	\$135,000
Alat-alat solek	\$125,000
Pakaian	\$230,000
Alatganti kenderaan	\$1.1 juta
Alat-alat elektrik	\$ 20,000
Racun rumput	\$ 26,000
Kaset	\$ 57,000
Lain-lain barangan	\$146,000

Dalam usaha untuk mengatasi dan membasmi amalan-amalan ini, Kementerian saya akan senantiasa dan terus berusaha mengawasi dengan menggunakan Undang-undang yang ada bagi memastikan bahawa semua tindakan yang diambil adalah berkesan. Dari pengalaman-pengalaman yang lalu, kejayaan Kementerian saya menumpaskan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dalam perdagangan barang-barang palsu ini adalah hasil daripada kerjasama dan penglibatan positif orang ramai. Dalam hubungan ini, saya ingin menyeru kepada pengguna-pengguna supaya kerjasama ini dipertingkatkan lagi dan ini boleh dilakukan dengan memberikan maklumat-maklumat yang tepat dan terperinci sekiranya mereka mengetahui wujudnya kegiatan-kegiatan tersebut. Kementerian saya percaya bahawa dengan adanya jalinan kerjasama yang lebih rapat di antara pengguna dengan pihak Kerajaan, amalan-amalan yang boleh disifatkan 'anti-sosial' ini akan dapat dikurangkan serta dicegah dari terus berkembang.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kegiatan membuat barang-barang tiruan yang kian berkembang ini adalah disebabkan hukuman yang dikenakan ke atas pesalah-pesalah adalah ringan jika dibandingkan dengan kesalahan-kesalahan tersebut. Jika sedar, adakah pihak Kementerian bercadang untuk meminda

undang-undang yang ada sekarang ini supaya hukuman yang lebih berat dapat dijatuhkan ke atas pesalah-pesalah yang berkenaan?

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa salah satu daripada berlakunya kegiatan pembuatan barang palsu atau tiruan ialah hukuman itu dalam Akta sekarang terlalu rendah. Tindakan pun telah diambil untuk meminda Akta itu dengan mengadakan hukuman yang lebih berat daripada yang ada pada masa sekarang.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa Kementerian yang berkenaan masih menghadapi kekurangan kakitangan yang cukup untuk membanteras kegiatan membuat barang-barang tiruan dan apakah rancangan yang ada untuk menambah kakitangan penguatkuasa supaya dapat memperhebatkan kempen yang berkenaan?

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang lalu boleh dikatakan kekurangan kakitangan ialah satu sebab yang mana tindakan sewajarnya tidak dapat diambil dengan berkesan tetapi pada tahun ini pegawai dalam Bahagian Penguatkuasa telah ditambah seramai 400 orang. Dengan bilangan pegawai ini tindakan yang diambil di bawah undang-undang ini telah berjalan dengan lebih sempurna dan saya rasa ini ialah satu sebab yang mana kes-kes yang saya katakan tadi telah meningkat kerana kita ada pegawai untuk mencegah amalan seperti itu.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam penjelasannya tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menjelaskan bahawa seramai 262 kes telah dapat dikesan sehingga akhir tahun ini terhadap peniaga-peniaga. Saya tidak begitu jelas sama ada peniaga-peniaga ini termasuk pembuat-pembuat atau pengeluar-pengeluar yang berkenaan. Oleh kerana masalah-masalah pembuatan barang-barang haram ini berpunca dari pembuat, bukan peniaga (Traders), dan setengah-setengah pembuat itu terdiri daripada orang-orang di luar Malaysia, adakah pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang untuk meminta kerjasama daripada Polis Antarabangsa (Interpol) untuk mengesan sumber-sumber pembuatan barang-barang tiruan ini?

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, bilangan kes-kes yang telah dirampas iaitu 262 peniaga termasuk pembuat-pembuat (manufacturers) dan boleh dikatakan kebanyakan buatan tiruan ini berasal daripada pembuat di Malaysia. Satu kelemahan dalam Akta ini ialah pada masa sekarang undang-undang tidak memberi kuasa untuk menangkap orang yang dijumpai jika orang itu lari daripada tempat yang mana kita jumpa barang tiruan itu. Jadi barang itu tinggal di sana dan kita cuma boleh merampas barang sahaja. Kita akan meminda Akta ini supaya Pegawai Penguatkuasa ada kuasa untuk menangkap siapa pun yang dijumpai dengan barang yang kita rampas itu dan dengan itu kita boleh mengambil tindakan yang lebih berkesan untuk mendapat tahu barang itu berasal dari mana baik di negara atau dari luar negeri.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Memandangkan pembuatan barang-barang tiruan atau palsu ini adalah merupakan satu kenyataan anti sosial maka adakah selain daripada Akta 1970 ini akan dipinda dan dikaji semula, adakah Kementerian akan mempertimbangkan iaitu memberi satu award kepada sesiapa pun yang membongkar atau mendedahkan aktiviti-aktiviti atau sindiket yang membuat barang-barang tiruan ini.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang Akta ini tiada peruntukan seperti di Akta Kastam atau Polis yang mana Kerajaan boleh memberi hadiah dan sebagainya bagi orang yang memberi maklumat tetapi inipun masih dalam kajian.

Tuan Lim Cho Hock: Tuan Speaker, Kerajaan ada selalu memanggil orang ramai membeli barang-barang yang dibuat oleh kita sendiri. Macam mana orang ramai boleh dapat satu perbezaan barang-barang yang dibuat oleh kita seperti exhaust pipe dengan barang-barang asal (original) dan apakah ini dipanggil barang-barang palsu atau tiruan. Bolehkah kata barang-barang yang dibuat oleh kita sendiri itu barang-barang tiruan?

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu kita mesti faham apakah dia barang tiruan atau barang yang palsu dan apa dia barang genuine. Bukan semua barang yang dibuat di negara ini ialah barang palsu

kerana kalau barang dibuat di sini digunakan "trade mark" sendiri ialah trade mark yang boleh dikatakan original jika trade mark itu didaftarkan. Apa yang dikatakan palsu ialah barang yang dibuat di sini menggunakan satu trade mark baik berasal dari luar negeri atau dalam negeri. Macam mana kita boleh tahu apa yang palsu atau apa yang genuine ini datangnya dari pengalaman. Kementerian saya kerap kali ada seminar dan juga mengadakan pertunjukan melalui Persatuan Pengguna yang mana kita memberi peluang kepada pengguna mengetahui lebih mendalam macam mana kita boleh membezakan barang genuine dengan barang palsu.

Dato Haji Mohd. Yusof bin Malim Kuning: Soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah di dalam istilah kegiatan barang-barang tiruan atau palsu ini termasuk juga perbuatan duit palsu atau wang palsu?

Tuan Yang di-Pertua: Duit bukan didagangkan, ini barang-barang buatan. Soalan tambahan ini luar daripada soalan asal.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana dinyatakan oleh Timbalan Menteri sebanyak 262 dan dianggarkan \$2 juta lebih, ini menunjukkan kerana hendak mencari keuntungan dan adakah Kementerian bercadang sebagaimana dikatakan tadi hukuman yang berat itu akan dirangka. Salah satu daripada hukumannya akan mengambil tindakan supaya tidak dibenarkan terus kepada orang-orang ini menjalankan perniagaan di masa yang akan datang selain daripada hukuman yang berat tadi ialah tidak membenarkan lesen itu dan diharamkan. Adakah satu daripada rangka itu akan diadakan peraturan itu.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi kita akan meninggikan hukuman yang mana hukuman ini boleh dijalankan dengan denda atau denda dengan penjara dan sesiapa yang telah terlibat dalam kes-kes itu jika dia melanggar undang-undang yang sedia ada lesen yang dikeluarkan di bawah undang-undang itu mestilah dibatalkan. Dan kita pun boleh siarkan maklumat ini kepada Persatuan Pengguna atau pihak-pihak yang berkenaan supaya pengguna-pengguna atau orangramai

mengawasi apa-apa yang terkeluar daripada syarikat-syarikat itu yang telah didenda atau dikena hukuman.

PINJAMAN SYARIKAT PERKAPALAN ANTARABANGSA MALAYSIA (MISC)

4. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan berapa banyakkah kadar pelaburan Kerajaan dalam Syarikat Perkapalan Antarabangsa Malaysia sehingga kini dan berapa banyakkah pinjaman-pinjaman syarikat tersebut daripada Kerajaan dan sumber-sumber kewangan lain yang dijamin tanpa syarat oleh Kerajaan. Dan berapa banyakkah hutang syarikat itu kepada Kerajaan dan kepada sumber-sumber kewangan yang lain yang belum dijelaskan oleh SPAM.

Perdana Menteri Tuan Yang di-Pertua, semasa Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia Berhad (MISC) ditubuhkan dalam tahun 1968, Kerajaan Persekutuan telah melabur \$2.1 juta bersamaan dengan 30% dari modal dibayar oleh Perbadanan tersebut. Jumlah saham yang dipegang oleh Kerajaan Persekutuan sekarang ialah \$5.25 juta ataupun 21% dari jumlah modal dibayar Perbadanan sekarang.

Mengenai pinjaman-pinjaman, inginlah saya memaklumkan bahawa tidak ada pinjaman-pinjaman yang diperolehi oleh Perbadanan itu yang dijamin oleh Kerajaan tanpa bersyarat. Pinjaman dari Kerajaan Persekutuan yang berjumlah sebanyak \$460 juta pada akhir tahun 1980 adalah dicagarkan dengan menggadai-janjikan semua kapal-kapal kepunyaan Perbadanan. Pinjaman bank yang berjumlah sebanyak \$1,683 juta pada akhir tahun 1980 dicagarkan dengan gadaian tanah/bangunan hak milik bebas dan dengan surat-surat jaminan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh sebab Syarikat Perkapalan Antarabangsa Malaysia ini boleh memainkan peranan yang penting dalam berbagai-bagai soal kepentingan nasional, adakah pihak Kerajaan bercadang untuk membanyakkan saham Kerajaan dalam syarikat tersebut sehingga mencapai ketahap majoriti.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Sabah memiliki 5%; Kerajaan Sarawak 5%; Kerajaan Negeri Johor 5%; Kerajaan Negeri Pahang 5%; Kerajaan Negeri Pulau Pinang 5%; Kerajaan Negeri Selangor 5%; Lembaga Urusan dan Tabung Haji 5%, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan 6.5% dan jumlahnya semua ialah 62.5% yang bermakna bahawa Kerajaan-kerajaan Negeri memiliki lebih daripada setengah saham-saham syarikat perkapalan ini.

Tuan Chan Teck Chan: Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu, adakah rancangan MISC untuk menjemput lain-lain syarikat perkapalan antarabangsa untuk memasuki satu projek joint venture dengan MISC supaya MISC boleh diperluaskan dan mengambil bahagian dalam international shipping line.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya memang menjadi satu amalan syarikat perkapalan seperti MISC mengadakan joint venture dengan lain-lain syarikat perkapalan di seluruh dunia. Kadangkala joint venture ini merupakan pemilikan cuma sebuah kapal sahaja tetapi ada kalanya joint venture ini merupakan pemilikan satu fleet kapal-kapal.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ismail bin Said.

Tuan Ismail bin Said: Saya ingin membuat sedikit pembedaan, baris ketiga.

Tuan Yang di-Pertua: Apa pembedaannya?

Tuan Ismail bin Said: Dari "finishing products" kepada "finished product". Soalan Ke 5.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Saya mohon diulang, apa pembedaan itu?

Tuan Yang di-Pertua: "Finishing" itu dijadikan "finished".

PERUSAHAAN KAYU—GALAKAN

5. Tuan Ismail bin Said minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi menggalakkan

perusahaan kayu di peringkat "Secondary processing" dan "finished product" di negara kita.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Usaha untuk menggalakkan pemerosesan lanjut dalam perusahaan kayu adalah dilakukan oleh Kementerian saya dan Kementerian Perdagangan dan Prindustrian. Melalui Akta Galakan Pelaburan, taraf printis adalah diberi kepada kilang-kilang yang mengeluarkan barang-barang kayu yang diproses seperti fibreboard, chipboard "hardboard," dan softboard". Bagi pengetahuan "knock-down furniture" khasnya untuk dieksport, taraf printis adalah juga diberi. Galakan-galakan pelaburan adalah diberikan kepada perusahaan kayu yang akan meninggalkan nilai tambah bahan kayu dan yang melibatkan teknologi yang tinggi. Kilang-kilang yang diberi galakan pelaburan ini adalah mengeluarkan barangan kayu yang telah diproses lanjut yang menghasilkan keluaran yang mempunyai nilai tambahan yang tinggi. Dengan tujuan untuk menggalakkan penubuhan kilang-kilang di peringkat kedua, Kerajaan tidak lagi mengadakan penubuhan kilang-kilang di peringkat pertama seperti kilang papan dengan membekukan kelulusan terutamanya bagi permohonan-permohonan dari negeri-negeri di pantai barat Semenanjung Malaysia.

Agensi di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian iaitu MIDA memainkan peranan yang aktif dalam menggalakkan penubuhan lebih banyak kilang yang berasaskan kayu di peringkat kedua dan ketiga melalui usaha-usaha penggalakan seperti mengadakan seminar, misi keluar negeri dan pameran perdagangan. Begitu juga agensi di bawah Kementerian saya iaitu Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia dengan kerjasama MIDA, mengadakan seminar dan misi perkayuan untuk menggalakkan penubuhan industri di peringkat kedua dan ketiga. Dari segi menentukan bekalan bahan mentah yang cukup kepada industri-industri yang memproses bahan kayu di peringkat kedua dan ketiga, Kementerian saya sentiasa mengawasi bekalan kayu-kayu dalam negeri untuk memenuhi keperluan industri yang berkaitan.

Tuan Ismail bin Said: Soalan tambahan. Di dalam seminar Pembangunan Bumiputra dalam Perindustrian Kayu yang dianjurkan oleh Timber Board di Kuala Lumpur baru-baru ini ada berbangkit masalah penyertaan bumiputra dalam bidang pemerosesan lanjutan (secondary processing). Jadi bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini, apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian ini bagi menyediakan kemudahan yang khusus kepada bumiputra menyertai bidang yang tersebut dan apakah kemajuan yang dicapai setakat ini berhubung dengan penubuhan konsortium Kilang Papan Bumiputra.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Menyentuh tentang Pembangunan Bumiputra dalam bidang perusahaan Perakayuan di Malaysia yang diadakan baru-baru ini banyak resolusi-resolusi yang telah dikemukakan, terutama sekali kepada pihak Lembaga Kemajuan Perakayuan Malaysia dan juga Kementerian saya dan semuanya ini sedang dikaji dan tindakan akan diambil seterusnya.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri melaporkan apakah kemajuan-kemajuan telah dicapai dalam peringkat kedua dan ketiga dalam perusahaan kayu-kayuan ini selepas taraf perintis dan galakan cukai telah diberikan dan apakah masalah dan kerumitan yang telah dialami dalam peringkat kedua dan ketiga dalam perusahaan yang tersebut.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa apa yang telah saya sebutkan tadi sebenarnya membuktikan bahawa Kerajaan telah berusaha ke arah ini dan dari segi kemajuan-kemajuan yang telah dicapai, saya rasa banyak yang telah dicapai sekalipun tidaklah boleh saya sebutkan satu persatunya buat masa ini. Memanglah dalam usaha kita memajukan aktiviti-aktiviti perusahaan seperti ini memang banyak masalah yang dihadapi terutama sekali kepada mereka yang mengusahakan bidang-bidang aktiviti perusahaan yang kecil, namun demikian kita sentiasa berusaha mencari jalan untuk menentukan bahawa masalah-masalah yang dihadapi akan sentiasa diselesaikan.

PASUKAN BOLA KEBANGSAAN—MUTU

6. Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada beliau sedar mutu permainan, pasukan bola kebangsaan telah merosot; jika sedar, apakah langkah-langkah perlu diambil supaya mutu permainan pasukan bola kebangsaan dapat dipertingkatkan semula.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato' Chin Hon Ngian): Tuan Speaker, adalah sukar bagi menyatakan sama ada mutu permainan Pasukan Bola Kebangsaan merosot atau tidak. Yang jelasnya negara kita agak ketinggalan dalam mengikut kemajuan permainan bola jika dibandingkan dengan prestasi pemain-pemain negara lain, kemungkinan kadar kemajuan yang dicapai oleh negara-negara lain lebih pesat daripada kadar kemajuan yang dicapai oleh pemain-pemain pasukan bola kebangsaan Malaysia.

Untuk mempertingkatkan mutu permainan pasukan bola kebangsaan langkah-langkah yang perlu dan sedang diambil adalah seperti berikut:

- (1) Mengadakan kursus jurulatih dari semasa ke semasa.
- (2) Mengadakan Kem Bakat untuk mengesan pemain-pemain muda yang berpotensi.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan Tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan. Saya tertarik hati dengan penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu hendak mencari bakat-bakat muda, tetapi kita hendak mencari bakat-bakat muda ini mestilah bakat-bakat muda itu ada tempat untuk hendak berlatih. Sekarang ini sama ada Kementerian sedar ataupun tidak di beberapa kawasan tidak ada tempat padang bola dan kalau ada pun padang bola ini tidak dapat digunakan dengan sempurna. Jadi dalam perkara ini apakah tindakan tegas Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan bagi mengadakan padang bola tempat pemuda-pemuda kita berlatih bagi kita mencari bakat-bakat muda.

Dato' Chin Hon Ngian: Tuan Speaker, memang ini satu perkara yang sukar kita mengatasi khususnya di tempat-tempat bandar, memang kita menghadapi kekurangan padang bola. Walau bagaimanapun, Kementerian saya dengan kerjasama daripada pihak-pihak yang berkenaan sentiasa menjalankan program-program seperti yang saya katakan tadi—Kem Bakat ini untuk memberi latihan kepada pemain-pemain muda.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa pasukan bola kebangsaan kita ini telah dan boleh memainkan peranan yang penting untuk menaikkan semangat kebangsaan di kalangan rakyat yang berbilang kaum di Malaysia ini. Dan jika sedar, adakah pihak Kementerian bercadang untuk melipatgandakan peruntukan yang telah pun dipertetapkan untuk maksud menaikkan prestasi ataupun kemajuan pasukan bola kita itu.

Dato' Chin Hon Ngian: Tuan Speaker, Kementerian boleh timbangkan.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, memandangkan bahawa beberapa negara pada masa lampau pernah menjadi jagoh dalam bola sepak tetapi telah jatuh kerana krisis-krisis yang sering di antara jurulatih-jurulatih dan pemimpin-pemimpin persatuan-persatuan bola sepak dalam negara tersebut. Adakah kemerosotan yang berlaku dalam negara kita ini akibat daripada persengketaan dan krisis-krisis yang sering berlaku di antara jurulatih-jurulatih, managers dan pemimpin-pemimpin persatuan bola sepak.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi sudah mengatakan, dia sukar hendak tentukan sama ada merosot atau tidak merosot. Maknanya tidak berapa bersetuju dengan kata-kata atau statement yang mengatakan merosot. Jadi, kalau ada hendak tambah lagi Yang Berhormat?

Tuan Racha Umong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan tentang kemerosotan pasukan kebangsaan, adakah

Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bercadang untuk memilih pemain-pemain di antara 13 negeri dalam negara kita ini untuk meningkatkan mutu pemain-pemain bola kebangsaan negara kita ini di masa-masa hadapan

Tuan Yang di-Pertua: Ini soal merosot timbul juga lagi tetapi yang lain daripada merosot itu silalah jawab.

Dato' Chin Hon Ngian: Tuan Speaker, tentang bahagian yang kedua iaitu memilih pemain-pemain untuk menjadi pemain pasukan bola kebangsaan, suka saya di sini menegaskan asas-asas untuk memilih seseorang pemain bukan mengikut negeri tetapi mengikut prestasi atau kebolehan pemain-pemain tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Chen Man Hin.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 7.

Tuan Yang di-Pertua: Saya akan kemukakan soalan ini pada akhir waktu jika ada masa.

KEDAI BEBAS CUKAI

8. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar banyak barang-barang yang di jual secara gelap dari kedai bebas cukai (duty free shop) di Pulau Pinang baru-baru ini jika ya, apakah langkah yang diambil oleh Kementerian beliau terhadap perkara ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar bahawa penyelewengan telah berlaku berkaitan dengan kegiatan kedai-kedai bebas cukai di Pulau Pinang, iaitu terdapat beberapa orang pelancung asing yang membeli barang-barang cukai dari kedai tersebut dan kemudian menjualnya dipasaran tempatan. Ini telah mengakibatkan Kerajaan kehilangan hasil memandangkan cukai-cukai atas barang-barang tersebut belum dibayar. Walau bagaimanapun, adalah tidak diketahui tentang kegiatan menjual barang-barang

secara gelap oleh kedai-kedai bebas cukai sendiri seperti dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat, dan setakat ini Kerajaan masih tidak mendapat apa-apa bukti berlakunya perkara seperti itu. Sekiranya Ahli Yang Berhormat mempunyai bukti yang nyata, haraplah dikemukakan kepada saya untuk diambil tindakan sewajarnya.

Berkaitan dengan penyelewengan yang dinyatakan tadi langkah telah diambil untuk mengatasinya dengan cara menghadkan jenis barang-barang yang boleh dijual oleh kedai-kedai cukai itu.

HAD LAJU KENDERAAN BERAT

9. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah langkah Kerajaan bagi mengelakkan daripada berlakunya kenderaan-kenderaan yang berat berjalan lebih laju daripada had yang dibenarkan oleh undang-undang. Berapa banyak kemalangan jalanraya berlaku akibat pelanggaran lori-lori, treler-treler dan bas-bas bagi tahun-tahun 1978, 1979 1980 dan 1981 sehingga bulan Jun.

Menteri Pengangkutan (Dato' Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah bagi menentukan kenderaan-kenderaan yang berat tidak melebihi had laju yang ditetapkan adalah dijalankan oleh pihak Polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan. Unit-unit Peronda Lebuhraya Polis dan Pegawai-pegawai Penguatkuasa Jabatan Pengangkutan Jalan sentiasa menjalankan rondaan-rondaan bagi memastikan peraturan tersebut dipatuhi.

Bilangan kemalangan jalanraya yang melibatkan kenderaan-kenderaan yang berikut adalah:

(a) Kenderaan Pengangkutan Barang Jenis Ringan (terdiri daripada lori-lori kecil dan van):	
(i) Tahun 1978	2,505
(ii) Tahun 1979	2,730
(iii) Tahun 1980	2,913
(iv) Tahun 1981 (Jun)	1,319

(b) Kenderaan Pengangkutan Barang Jenis Berat (terdiri daripada lori-lori besar dan treler):

(i) Tahun 1978	4,605
(ii) Tahun 1979	5,428
(iii) Tahun 1980	5,842
(iv) Tahun 1981 (Jun)	2,703

(c) Bas-bas:

(i) Tahun 1978	3,342
(iv) Tahun 1979	3,286
(iii) Tahun 1980	4,182
(iv) Tahun 1981 (Jun)	1,980

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah aduan-aduan yang telah dibuat terhadap pemandu-pemandu kenderaan berat memandu lebih daripada had yang dibenarkan dan jika aduan-aduan itu dibuat, bagaimanakah hukuman-hukuman yang dikenakan itu berkesan atau sebaliknya.

Dato' Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, saya minta ulang sekali lagi soalan itu.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Soalan tambahan. Sejauh manakah aduan-aduan yang dibuat terhadap pemandu-pemandu kenderaan berat memandu lebih daripada had dibenarkan? Jika aduan-aduan itu dibuat, bagaimanakah hukuman-hukuman yang dikenakan itu berkesan atau tidak berkesan?

Dato' Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, memang berkesan tetapi sejauh mana bergantung kepada taksiran kita.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada laporan Yang Berhormat Menteri tadi kita dapati beribu-ribu pelanggaran terjadi dan selalunya apabila berlaku pelanggaran di jalanraya antara lori-lori yang membawa muatan yang berat ini dengan kereta-kereta kecil selalunya kita terdengar berita iaitu pembawa lori ataupun atendan ini

terselamat, motokar kecil ini orangnya banyak yang mati. Kalau kita menyedari ini dan kita dapati kebanyakan lori-lori membawa muatan berat dan treler ini dia melanggar undang-undang iaitu dia lari laju daripada had yang ditetapkan ialah di jalan-jalan yang dirasakan tak ada kawalan yang jauh daripada pekan dan sebagainya. Kalau kita sudah menyedari dalam perkara ini apakah cadangan Menteri Pengangkutan, sama ada berkehendakkan kerjasama orang ramai atau tidak menerima laporan orang ramai perbuatan salah yang dilakukan oleh pemandu-pemandu lori itu. Apakah cadangan Menteri dalam perkara ini?

Dato' Lee San Choon: Tuan yang di-Pertua, pihak Jawatankuasa Majlis Keselamatan Jalanraya senantiasa dari masa ke semasa memberi panduan dan juga amaran kepada semua pemandu-pemandu kereta, termasuk pemandu-pemandu kenderaan-kenderaan yang berat. Pihak Jabatan Pengangkutan Jalan sedang mengkaji cadangan-cadangan atau sistem yang lain yang mendapat mungkin lebih efektif. Jikalau kajian itu siap dan difikirkan perlu dijalankan, kami akan bawa cadangan untuk pindaan kepada Road Traffic Ordinance kepada Dewan ini.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana dikatakan oleh Menteri tadi rondaan selalu diadakan menangkap lori dan kenderaan-kenderaan berat tetapi walau macam manapun perkara ini selalu berlaku. Pertanyaan saya ada dua.

Satu, adakah Kementerian bercadang akan melipatgandakan rondaan itu supaya menambahkan pegawainya lagi?

Kedua, ditulis di tiap-tiap lori tak melebihi 60 k.m. dan sebagainya, bukan ada tempat, misalnya macam kenderaan lain dia ada di tengah jalanraya, dalam pekan misalnya ditulis di papannya tidak lebih 30 k.m. tetapi tentang dalam motokarnya had laju sampai 200 k.m., jadi dia ada tempat masa dia boleh slow dan masa dia boleh deras, tetapi dalam lori sedangkan had power lori boleh lari sampai 120 k.m., jadi tentang di papan lori itu ditulis 60 k.m. Tidakkah Kementerian bercadang akan membuatkan satu kekuatan yang terhad kepada lori, jadi kekuatan (power) pun

mengikut dengan power yang ditulis di badan lori itu. Jadi bila had lori tiap-tiap masa tidak boleh lebih daripada 60 k.m. sedangkan dalam enjin dia tetap lebih, jadi ini berlawanan sedikit daripada yang ditulis di kenderaan. Tidakkah Kerajaan bercadang mengadakan satu undang-undang yang baru?

Dato' Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, saya lupa soalan yang pertama oleh kerana saya kena dengar soalan yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua: Sedarkah tidak?

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya begini. Rondaan selalu diadakan.

Tuan Yang di-Pertua: Fasal panjang sangat (*Ketawa*).

Tuan Shaari bin Jusoh: Ya, rondaan selalu diadakan tetapi walaupun macam manapun kes berlaku sampai 2,500.....

Tuan Yang di-Pertua, Yalah, tidak payah itu. Soalan yang pertama pokoknya apa?

Tuan Shaari bin Jusoh: Adakah Kerajaan bercadang akan menambahkan rondaan itu lagi dengan menambahkan pegawai-pegawainya? Itu yang pertama tadi.

Dato' Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini akan timbang cadangan itu.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, adalah satu usaha yang sukar untuk mengesan had laju kenderaan-kenderaan berat ini di jalan-jalanraya kerana jalanraya kita panjang dan banyak sekalipun Polis bertugas tidak boleh mengawal had laju ini. Sebagai satu ikhtiar untuk mengurangkan kesesakan di jalanraya dan mengurangkan kadar kemalangan di jalanraya yang berlaku akibat daripada lori-lori besar dan jenis berat ini adakah pihak Kementerian bercadang hendak membuat satu peraturan supaya lori-lori berat dan treler-treler ini hanya dibolehkan berjalan pada waktu malam, iaitu apabila keadaan trafik sudah mulai reda?

Dato' Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, kami sanggup timbang cadangan itu tetapi off-hand mungkin cadangan itu tidak begitu praktik.

**KAD PENGENALAN BIRU KEPADA
PENDATANG HARAM INDONESIA/
PELARIAN FILIPINA**

10. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah kad-kad pengenalan biru yang dikeluarkan untuk pendatang haram Indonesia dan pelarian Filipina, bagaimanakah cara pengeluaranannya, apakah langkah-langkah yang diambil untuk menghentikan operasi melalui "pintu belakang" ini, dan sama ada pengeluaran kad-kad pengenalan itu akan di tarik balik, serta apakah tindakan yang telah diambil bagi mendakwa pegawai-pegawai yang terlibat; jika tidak kenapa.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kementerian saya mendapati dakwaan Ahli Yang Berhormat adalah tidak benar. Tidak seorang pun pendatang haram Indonesia atau orang-orang pelarian Filipina yang telah dikeluarkan Kad Pengenalan Biru. Sekiranya didapati sebarang penyelewengan berlaku di dalam pengeluaran Kad Pengenalan Biru, Kementerian saya bersedia mengadakan penyiasatan yang sesuai dan tindakan yang sewajarnya akan diambil.

Tuan P. Patto: Soalan tambahan, Tuan Speaker. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa Kad-kad Pengenalan Biru dapat dikeluarkan untuk pendatang haram Indonesia dan pelarian Filipina dengan digunakan Surat-surat Beranak palsu, iaitu Surat Beranak yang bukan kepunyaan orang yang memohon tetapi orang yang sudah meninggal. Kalau Yang Berhormat sedar bolehkah satu siasatan dijalankan untuk menentukan sama ada orang-orang yang pegang dan memohon kad-kad pengenalan khasnya di Sabah benar-benar adalah orang yang namanya tercatat dalam Surat Beranak itu.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dinyatakan iaitu kita tidak ada memberi kad pengenalan kepada pendatang haram kerana daripada namanya pendatang haram itu kalau kita dapati mana-mana yang terjumpa, tindakan yang segera akan diambil.

Mengenai pemalsuan Surat Beranak bagi mendapatkan kad Pengenalan Biru ini saya rasa kalau ada bukti saya mempersilakan Yang Berhormat itu menghantar terus ke Kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lim Kit siang.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, soalan ke-11

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini juga saya akan kemukakan di akhir waktu sekiranya ada masa.

**PEMBANGUNAN TANAH DI SEMPADAN
MALAYSIA/THAI**

12. Tuan Haji Ibrahim bin Muhammad minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sejauh mana usaha dibuat oleh Kementerian untuk membangunkan tanah di Sempadan Malaysia/Thai terutama dalam mengatasi masalah keselamatan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Puan Shariffah Dorah binti Syed Mohd.): Tuan Yang di-Pertua, bagi maklumat Yang Berhormat, tugas untuk mengatasi masalah keselamatan di sempadan Malaysia/Thai bukanlah terletak khusus di atas Kementerian Kemajuan Wilayah, usaha ini dijalankan juga oleh beberapa Kementerian dan Jabatan. Kementerian ini memberikan sumbangan dari segi pembangunan tanah, iaitu sejajar dengan tujuan Kerajaan hendak menempatkan penduduk-penduduk di kawasan sempadan, bukan sahaja sebagai projek sosio ekonomi tetapi juga sebagai langkah-langkah untuk mengatasi masalah keselamatan. Agensi-agensinya di bawah Kementerian saya khususnya FELDA dan FELCRA akan terus membuka rancangan kemajuan tanah yang akan dapat menempatkan peserta-peserta supaya kawasan-kawasan ini tidak terbiar dan terdedah kepada ancaman pihak komunis dan anasir-anasir jahat yang tidak diingini. Kedua-kedua agensi sedang meneruskan pelaksanaan projek-projek yang telah dimasukkan dalam program bagi sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Keempat.

Senarai rancangan keselamatan adalah seperti berikut:

RANCANGAN TANAH KESELAMATAN BAGI FELDA

<i>Negeri</i>	<i>Luas ekar</i>	<i>Peserta</i>	<i>Tahun dimajukan</i>
Perlis	7,700	693	1981/1982
Kedah	2,700	243	1981/1982
Perak	9,000	810	1981/1982
Jumlah ..	<u>19,400</u>	<u>1,746</u>	

BAGI RANCANGAN FELCRA

<i>Negeri</i>	<i>Luas ekar</i>	<i>Peserta</i>	<i>Tahun dimajukan</i>
Perlis	11,100	1,813	1980,1983
Kedah	7,970	1,317	1981,1982,1983,1984
Perak	2,601	516	1981,1982,1983,1984
Kelantan	14,376	2,446	1981,1982,1983,1984
Jumlah ..	<u>36,047</u>	<u>6,092</u>	

Jumlah besar 55,447 ekar dan jumlah peserta yang akan ditempatkan 7,838 orang.

PELANGGAN TELEFON

13. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada Kementerian beliau sedar bahawa panggilan-panggilan telefon yang dibuat dari kawasan Sitiawan ke kawasan-kawasan Telok Anson, Tapah, Batu Gajah dan Parit seringkali terputus, apakah langkah-langkah yang patut Kementerian beliau buat untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Clarence E. Mansul): Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar bahawa pelanggan-pelanggan telefon di Sitiawan kadangkala mengalami sedikit gangguan seperti terputus semasa membuat panggilan jauh ke Telok Anson, Tapah, Batu Gajah dan Parit. Kejadian seperti ini berlaku kerana talian-talian cawangan tidak mencukupi dan menyebabkan gangguan berlaku di masa sibuk.

Terdapat sebanyak 83 talian cawangan yang menghubungi Sitiawan dengan Rangkaian Ibusawat Ipoh tetapi usaha-usaha telah

dijalankan oleh Jabatan Telekom untuk mengatasi masalah ini dengan menambah lagi talian cawangan pada bulan Oktober yang lalu, dan semenjak tarikh itu masalah berlakunya kejadian "terputus" semasa bercakap telah dapat dikurangkan.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soal telefon terputus-putus ini tidak hanya terbatas kepada lima buah kawasan sahaja. Ini merupakan masalah nasional terutama di kawasan luar bandar. Kawasan saya pun terjadi macam itu. Adakah sebabnya mungkin kerana equipments yang buruk yang tidak lagi dipakai digunakan di kawasan bandar dihantar ke kawasan-kawasan luar bandar oleh kerana kawasan luar bandar orangnya tidak begitu sophisticated, mereka tidak akan ada komplek kalau alat-alat buruk dihantar ke kawasan luar bandar.

Datuk Clarence E. Mansul: Tuan Yang di-Pertua, mungkin juga daripada alat-alat yang lama tetapi dari semasa ke semasa kita sedang mengkaji penggantian alat-alat yang buruk itu dan diganti dengan alat yang baru.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Sibat Miyut anak Tagong. Tidak hadir.

(Soalan No. 14 Y.B. Tuan Sibat Miyut anak Tagong tidak hadir)

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Soalan No. 7, 11 dan 14 hingga 19 adalah diberi di bawah ini.)

TUNTUTAN LALULINTAS

7. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Tambak Johor dapat menampung tuntutan-tuntutan lalulintas, pelancong dan pengangkutan kargo dan sama ada tambak kedua yang dicadangkan telah pun diberi "lampu hijau" atau masih berada di peringkat "on-off".

Menteri Pengangkutan (Dato' Lee San Choon): Tambak Johor yang ada sekarang ini masih lagi dapat menampung tuntutan-tuntutan lalulintas antara Semenanjung Malaysia dan Singapura. Kesesakan-kesesakan yang berlaku adalah hanya pada musim-musim perayaan sahaja, itu pun adalah disebabkan oleh pemeriksaan kastam. Mengenai tambak kedua, pihak Kerajaan masih lagi dalam peringkat menimbang dan mengkaji cadangan tersebut.

TARIAN SINGA PADA HARI KEBANGSAAN

11. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri beri sebab-sebab mengapa pihak polis tidak mahu memberi kebenaran kepada pasukan-pasukan tarian singa untuk menyertai perarakan dan perbarisan Hari Kebangsaan sedangkan rakyat Malaysia keturunan Cina ingin menyertai dengan penuh dalam perayaan Hari Kebangsaan dengan sumbangan-sumbangan kebudayaan mereka.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Musa Hitam): Perbarisan Hari Kebangsaan adalah dikelolakan oleh sebuah Jawatankuasa yang bertanggungjawab merancang bentuk upacara tersebut dan menetapkan

peserta-peserta yang akan mengambil bahagian. Untuk perbarisan Hari Kebangsaan di Ibu Negara pihak Polis tidak ada menerima apa-apa permohonan daripada Jawatankuasa itu untuk mengadakan tarian singa. Oleh itu, soal mengapa pihak Polis tidak mahu memberi kebenaran adalah tidak timbul sama sekali.

PERKHIDMATAN TELEFON

14. Tuan Sibat Minyut anak Tagong minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada Kerajaan akan menyediakan perkhidmatan telefon di Pekan Belaga yang menjadi pusat pentadbiran daerah tersebut memandangkan pada masa sekarang cara perhubungannya adalah menggunakan "Radio Call" yang mana ini tidak cukup dan selalu putus hubungan.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Pada masa ini perkhidmatan telefon ke Kawasan Belaga adalah dengan menggunakan Hubungan Radio. Perkhidmatan dengan cara ini kadangkala mendapat gangguan terutama di kala cuaca yang amat buruk. Kementerian saya memang mempunyai rancangan untuk memperbaiki perkhidmatan telefon ke kawasan Daerah Belaga ini, tetapi memandangkan faktor geografi yang tidak sesuai untuk di pasang talian-talian atas (overhead cable) atau kebel bawah tanah (underground cable), pilihan lain terpaksa dilaksanakan. Satu kajian awal sedang dilaksanakan oleh Jabatan Telekom untuk kemungkinan memasang satu satelit bumi bersaiz kecil di Daerah Belaga. Dan juga untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini rancangan untuk memasang satu ibusawat telefon automatik luarbandar sedang diusahakan; dan tender pembinaan bangunannya telah pun dikeluarkan.

SIDDIQ GHOUSE MENJADI AGEN KGB— LIPUTAN AKHBAR

15. Tuan Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan liputan yang dibuat oleh akhbar-akhbar Negara kita bahawa Encik Siddiq Ghouse belum sempat menyerahkan sebarang dokumen penting Kerajaan kepada pihak KGB. Bagaimanakah liputan itu dibuat, sama

ada dari pengakuan Encik Siddiq sendiri atau dari penyiasat rapi pihak Cawangan Khas. Kalaulah benar belum ada sebarang dokumen penting yang diserahkan, apakah perlunya tindakan menyingkirkan Pegawai-pegawai diplomat negara yang berkenaan diambil serta merta. Bukankah usaha jahat seperti yang dilakukan itu dapat disenaraikan di dalam tindakan-tindakan jenayah kepada negara, yang lebih berhak dikenakan hukuman di bawah Kanun Jenayah daripada ditahan tanpa pendedahan di bawah ISA.

Dato' Musa Hitam: Soalan yang hampir sama telah pun dijawab semasa menjawab soalan dari Yang Berhormat wakil Kuala Lumpur Bandar pada 12hb Oktober, 1981. Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

HOSPITAL QUEEN ELIZABETH— BANGUNAN TAMBAHAN

16. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kesihatan menyatakan sebab-sebab mengapa bangunan tambahan Hospital Queen Elizabeth di Kota Kinabalu retak, adakah sebarang penyiasatan dilakukan mengenai perkara tersebut, jika ya, nyatakan hasil penyiasatan berkenaan; dan berapakah harga sebenar tender hospital tersebut dan perbelanjaan tambahan yang terlibat bagi menyelamatkan bangunan tersebut.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Ingin saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa keretakan yang berlaku kepada bangunan tambahan Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu telah disiasat oleh Jabatan Kerjaraya Sabah dan pakar-pakar perunding swasta berkenaan. Di samping itu, satu penyiasatan yang teliti telah dijalankan oleh seorang pakar perunding bebas. Hasilnya menunjukkan bahawa keretakan ini mungkin disebabkan oleh kesan-kesan susutan (shrinkage) konkrit yang berbeza antara bahagian-bahagian atas dan bawah pada "pile cape" bangunan tersebut.

Kos asal bagi projek ini ialah \$17,504,558.26, dan perbelanjaan tambahan yang terlibat bagi kerja-kerja pembaikan kepada bangunan tersebut ialah \$311,063.00.

MENCEGAH HAKISAN TANAH

17. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Kerajaan telah membelanjakan berjuta-juta ringgit dalam membina tembok-tembok di pantai-pantai untuk mencegah hakisan tanah dan jika ya, sama ada Kementerian akan menanam pokok-pokok di sepanjang pantai untuk mengelakkan hakisan tanah di samping mencantikkan pantai seperti yang telah dibuat di lain-lain negara.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Pada masa ini, Jabatan Perhutanan melaksanakan projek-projek menanam pokok di dalam kawasan hutan simpan sahaja. Setakat ini tiada rancangan untuk menanam pokok di luar hutan simpan untuk tujuan mengelakkan dari hakisan pantai seperti yang dibangkitkan itu.

Bagi hutan paya laut, seperti di Matang Perak, ianya tidak diusaha-hasil dan dikedalkan di dalam keadaan asalnya supaya ia akan kekal menjadi hutan perlindungan bukan sahaja untuk mengelakkan daripada hakisan pantai tetapi juga perlindungan bagan dan kampung berhampiran.

PUSPATI—KOS PROJEK

18. Tuan P. Patto minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan jumlah kos projek PUSPATI dan sebab-sebab kos projek itu melambung naik serta apakah kegunaan tepat PUSPATI.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Ahli Yang Berhormat telah sedia dapat maklumat untuk soalan yang dikemukakan oleh kerana sebagai seorang Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, beliau telah dapat meneliti perkembangan projek PUSPATI semasa jawatankuasa tersebut mengadakan pemeriksaan ke atas Kementerian saya berkenaan dengan Laporan Audit Tahun 1977 Perenggan 266 dan 267 yang telah diadakan dalam bulan September 1981. Jumlah kos projek PUSPATI adalah terkandung di Butiran 2 Bekalan P. 50 Anggaran Belanjawan Tahun 1982 yang telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini dan saya tiada apa-apa maklumat lain lagi.

Untuk menjawab soalan apakah kegunaan tepat PUSPATI, saya merujuk kepada perenggan (b) di muka 203 dan 204 di Kertas Perintah 26 Tahun 1981 bertajuk Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi 1982 yang dibentang di Dewan yang mulia ini.

KAWALAN KEWANGAN ATAS BANK-BANK

19. Tuan Haji Hashim bin Endut minta Menteri Kewangan menyatakan apakah kesannya kepada ekonomi negara kepada ahli-ahli perniagaan dan perdagangan dalam negeri, terutamanya pengusaha-pengusaha dan peniaga-peniaga bumiputera, terbit daripada ekoran langkah Kerajaan mengenakan sistem kawalan kewangan yang ketat ke atas bank-bank swasta di Malaysia baru-baru ini. Bukankah tindakan ini membuatkan kalangan swasta khususnya peniaga-peniaga bumiputera menjadi lumpuh dan tidak bermaya.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Saya suka menerangkan bahawa Kerajaan tidak mengenakan kawalan kewangan yang ketat ke atas bank-bank di Malaysia. Ini adalah jelas dari jumlah pinjaman yang telah diberi oleh bank-bank perdagangan. Misalnya dalam tempoh 9 bulan pertama tahun 1981 bank-bank pinjaman dari bank-bank perdagangan telah meningkat sebanyak \$3.65 ribu juta atau 17.4% kepada \$24.7 ribu juta. Daripada jumlah ini, pinjaman kepada sektor swasta bertambah sebanyak \$3.64 ribu juta atau 18% kepada \$23.8 ribu juta sepanjang tempoh tersebut. Pinjaman-pinjaman kepada masyarakat Bumiputera meningkat pada kadar yang lebih tinggi sebanyak 25.2% (+\$978.6 juta) bagi tempoh 9 bulan pertama tahun 1981: Kredit bank yang disalurkan kepada perniagaan borang dan runcit juga telah bertambah sebanyak \$779.8 juta atau 16.1% sepanjang tempoh yang sama. Dari jumlah ini pinjaman kepada kaum Bumiputera yang terlibat dalam kegiatan tersebut telah meningkat sebanyak \$122.7 juta atau 24.7%. Oleh itu adalah tidak benar bahawa Kerajaan mengenakan kawalan ketat ke atas bank-bank perdagangan. Kerajaan akan sentiasa menentukan supaya pinjaman-pinjaman kepada sektor-sektor tertentu

seperti di bawah panduan pinjaman Bank Negara dilaksanakan supaya dapat mencapai matlamat Kerajaan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1980 DAN 1981)

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 4), 1980

DAN

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 2), 1981

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1980 dan 1981) dan, Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat, 1980 dan Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua, 1981 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis". (Hari Pertama)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Jawatankawasa)

Maksud B. 24 (Jadual Kedua)—

Maksud P. 24 (Anggaran Pembangunan
(Tambahan) (Bil. 2), 1981—

Tuan Pengerusi: Waktu Majlis ditangguhkan pada hari Jumaat yang lalu sedang menimbangkan Anggaran Perbelanjaan (Tambahan) bagi Kementerian Wilayah Persekutuan dan sebelum saya menjemput Yang Berhormat Menteri menjawab, saya jemput Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar menghabiskan ucapannya.

3.35 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, sebelum Dewan ini

ditangguhkan pada hari Jumaat lepas, saya telah menyentuh tentang pengindahan Bandaraya Kuala Lumpur memandangkan bahawa sejumlah \$2.5 juta dikehendaki untuk maksud sebagaimana yang dicatatkan dalam Kertas Perintah 31 Tahun 1981 di bawah Maksud B 24. Saya telah menyebutkan bahawa pengindahan Bandaraya tidak hanya meliputi penanaman pokok-pokok dan bunga-bunga tetapi juga mengindahkan semua bangunan terutama bangunan-bangunan awam dengan mengecatkan semula. Ini hendaklah juga termasuk semua rumah-rumah pangsa bertingkat-tingkat yang belum pernah dicatkan semula.

Di samping itu Dewan Bandaraya hendaklah juga meneliti keadaan semua bilik air awam sama ada dalam bangunan awam atau dalam pasar-pasar yang sering digunakan oleh orang ramai pada setiap hari. Semua tandas atau bilik air awam yang terdapat dalam Bandaraya adalah dalam keadaan yang amat mendukacitakan atau menyedihkan dan sesuatu harus diambil untuk membaikinya.

Satu contoh yang sangat baik ialah Bangunan Pasarama Ibukota yang terletak di pusat Bandaraya di mana Perhentian Bas Kelang ada ditempatkan di situ. Pada hari ini Bangunan Pasarama Ibukota sudah tidak elok dipandang, banyak keretakan dan kebocoran boleh didapati di mana-mana bangunan itu. Bilik air awam berada dalam keadaan yang amat menyedihkan. Bangunan kelihatan kotor jika dipandang dari luar dan seharusnya diberikan satu cat yang baru. Sudah sampai masanya sekarang supaya sesuatu harus dilakukan untuk memberikan bangunan dan perhentian bas ini satu wajah yang baru selaras dengan kempen pengindahan Bandaraya.

Tuan Pengerusi, apabila memperkatakan pengindahan Bandaraya, saya ingin menyentuh sesuatu yang menjadi kepentingan orang ramai iaitu tentang sistem kutipan sampah-sarap dalam Dewan Bandaraya. Kempen pengindahan Bandaraya akan gagal jika sesuatu tidak dilakukan untuk memperkemaskan sistem kutipan sampah-sarap yang dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Bandar dalam Dewan Bandaraya. Dewan Bandaraya itu hendaklah berada di hadapan dan menjadi satu contoh

dalam kempen pengindahan Bandaraya dengan merangka satu sistem kutipan sampah-sarap yang cekap. Pada masa sekarang sistem kutipan sampah sarap Bandaraya berada dalam keadaan kucar-kacir dan amat tidak tersusun sebagaimana yang dibuktikan oleh aduan-aduan daripada orang ramai mengenai kutipan sampah-sarap yang tidak memuaskan. Tidak ada satu haripun berlalu dengan tidak ada aduan tentang Dewan Bandaraya dalam akhbar tempatan berhubung dengan sampah-sarap yang tidak dikutip setiap hari.

Daripada purata 50 pengaduan yang saya ada terima pada setiap hari lebih daripada 60% ialah mengenai sampah-sarap yang tidak dikutip atau kutipan yang jarang dilakukan. Dewan Bandaraya memberi berbagai alasan seperti lori-lori rosak dan masalah tenaga pekerja. Akan tetapi saya berpendapat bahawa alasan-alasan ini adalah sangat lemah dan tidak diadili dengan sepenuhnya.

Saya suka menggesa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya mengambil perhatian yang serius tentang sistem kutipan sampah yang ada sekarang dan mengambil langkah-langkah untuk menyusun semula Jabatan Perkhidmatan Bandar, Dewan Bandaraya dan melaksanakan suatu sistem kutipan sampah-sarap yang cekap dan dapat dipercayai dalam Bandaraya seperti di kawasan perumahan dalam pasar-pasar dan dalam semua tempat awam. Jika Dewan Bandaraya tidak boleh menyenggara satu kutipan sampah-sarapnya sendiri dan memberikan satu contoh wajah yang baru kepada Ibukota, bagaimana kita boleh memastikan pengindahan Bandaraya kita.

Yang akhirnya, Tuan Pengerusi, sekarang saya suka merujuk kepada perparitan Bandaraya Kuala Lumpur di bawah Kepala P. 24 yang diberikan dalam Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) 1981 di mana sejumlah \$600,000 telah diperuntukkan di bawah perparitan. Saya ingin menyentuh sedikit tentang masalah banjir kilat dalam Dewan Bandaraya. Saya telah menyebutkan hal ini banyak kali dalam Dewan ini akan tetapi memandangkan perkembangan kejadian banjir yang terakhir dalam Bandaraya, maka saya ingin membangkitkan perkara ini sekali lagi tidak sahaja untuk

perhatian Yang Berhormat Menteri berkenaan tetapi dengan harapan bahawa beliau akan mengambil dayausaha bertindak secara positif dan dengan segera.

Pada hari Sabtu yang lalu selepas hujan lebat turun, banyak tempat di dalam Kuala Lumpur dibanjiri air yang meninggalkan akibat tidak sahaja kesesakan lalulintas yang amat teruk, akan tetapi ramai keluarga setinggian terpaksa mencari jalan keluar untuk berpindah ke tempat yang selamat.

Kawasan yang teruk mengalami kejadian banjir yang terletak dalam kawasan saya ialah Kampung Kerayong berhampiran Taman Maluri Cheras, Kampung Treacher, Jalan Nagarasi di Bukit Bintang dan Jalan Davis dalam kawasan Imbi. Kampung Kerayong sering mengalami banjir oleh kerana masalah pemendapan sungai Kerayong. Masalah ini telah berjalan sejak setahun yang lalu, setiap kali hujan turun dengan lebatnya tempat itu dibanjiri oleh air, dan sudah sepatutnya kampung itu dikenali dengan Kampung Banjir.

Dewan Bandaraya hendaklah mengambil tindakan segera untuk menempatkan semula rumah setinggian di atas tebing Sungai Kerayong supaya pihak Jabatan Parit dan Taliair boleh menjalankan tugas mereka mengorek semua sungai supaya dapat mengadakan satu cara yang efektif untuk mengatasi masalah berkesan dengan banjir. Dalam masalah pemendapan yang serius ataupun berlakunya hakisan tanah, Sungai Kerayong juga adalah menyebabkan banjir dalam kawasan Batu 3½ Jalan Cheras.

Mengenai Kampung Treacher pula seluruh kawasan akan dibanjiri air kerana sistem perparitan yang tidak sempurna dan berjalan lancar kerana adanya pemaju perumahan yang membina projek rumah kedai berhampiran kampung itu.

Kawasan-kawasan lain yang dibanjiri air ialah di beberapa tempat dalam Kampung Cheras Baru, Kampung Midah berhampiran Taman Midah dan kawasan di Jalan Chan Sow Lin, malahan ada satu tempat di Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban berhampiran Jalan Sungai Besi telah juga dibanjiri air.

Satu jalan yang baru telah dibuka kepada lalulintas oleh Jabatan Kerjaraya, Dewan Bandaraya yang menghubungkan Jalan Chan Sow Lin kepada Jalan Pekeliling dan Jalan Pudu terpaksa ditutup kepada lalulintas pada malam Sabtu yang lalu kerana jalan itu dibanjiri air.

Masalah banjir kilat dalam Bandaraya adalah disebabkan oleh beberapa faktor sebahagian daripadanya adalah sistem perparitan bandar yang kurang sempurna di samping parit-parit, longkang-longkang yang tersumbat dengan lumpur dan pasir dan hakisan tanah.

Kuala Lumpur sudah sampai kepada satu peringkat di mana setiap kali hujan lebat turun, Bandaraya kita akan dibanjiri oleh air bah dan ini akan diikuti dengan beberapa masalah lain seperti kesesakan lalulintas yang amat teruk dan juga berlakunya banjir di kawasan perumahan.

Saya suka menggesa Yang Berhormat Menteri berkenaan supaya mengambil perhatian serius tentang masalah banjir kilat dalam Bandaraya ini dan mengambil tindakan segera untuk menyelesaikan masalah ini sebagai seorang Menteri yang berkenaan. Saya suka melafazkan harapan saya supaya Yang Berhormat Menteri berkenaan akan dapat melakukan sesuatu tindakan demi kepentingan orang ramai untuk mengatasi masalah yang saya sentuh ini.

Masanya telah tiba bagi Yang Berhormat Menteri mengharapakan Dewan Bandaraya dan Jabatan Parit dan Taliair supaya membuat kajian sepenuhnya tentang sistem perparitan Bandaraya dan menentukan sejauh mana seriusnya hakisan tanah disebabkan oleh pembangunan yang tidak terkawal. Langkah-langkah perlulah diambil untuk meningkatkan atau membaiki perparitan Bandaraya bagi menyelesaikan masalah ini.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

3.45 ptg.

Menteri Wilayah Persekutuan (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Pengerusi, terdahulu ingin saya mengucapkan berbanyak terima kasih dan

penghargaan kepada Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar itu yang telah sudi bangun untuk mengambil bahagian membahaskan perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian saya. Kebanyakan daripada perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu telahpun saya huraikan di masa saya membentangkan Rang Undang-undang yang berkaitan dengan Kementerian saya di masa-masa yang lalu dan juga masa Dewan ini membincangkan peruntukan bagi tahun 1982. Walaupun demikian, inginlah saya memberikan penerangan sedikit mengenai beberapa perkara yang saya rasa mungkin perlu saya ulangkan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat itu telah menyentuh beberapa perkara yang saya rasa penting ialah mengenai permohonan rumah dari setinggan yang ingin memasuki rumah kos rendah yang dibina oleh Dewan Bandaraya. Mengenai dengan perkara ini seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum di Kuala Lumpur ini ataupun di Wilayah Persekutuan, kita mempunyai penduduk satu-perempat daripadanya terdiri daripada setinggan dan oleh kerana itu masalah perumahan itu adalah merupakan satu masalah yang rumit dan ianya adalah menjadi satu perkara yang keutamaan kepada Kerajaan. Selain daripada memberikan perumahan kepada setinggan-setinggan, Kementerian juga sedang menimbangkan permohonan untuk mendapatkan rumah kos rendah dari mereka yang lain yang juga mempunyai ataupun berpendapatan rendah. Dalam hubungan ini Kementerian saya pada Rancangan Malaysia Keempat ini telah bercadang untuk mengadakan rumah kos rendah sebanyak 30,000 unit rumah dan adalah diharapkan dengan rancangan ini nanti maka sebahagian daripada masalah yang dihadapi oleh setinggan-setinggan itu dan juga lain-lain yang memerlukan perumahan akan dapat diatasi.

Selain daripada itu, Kementerian juga sedang memikirkan, sedang mengkaji dan mencari jalan bagaimana kita boleh mempercepatkan lagi pembinaan rumah-rumah, terutama sekali rumah kos rendah atau yang dibina oleh Dewan Bandaraya.

Mengenai dengan masalah banjir yang ada juga berkaitan dengan masalah perparitan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, perkara ini adalah bergantung kepada tiga aspek iaitu membesarkan sungai yang terlibat iaitu Sungai Kelang, Sungai Batu dan Sungai Gombak. Yang kedua ialah membesarkan anak-anak sungai di mana anak-anak sungai itu merupakan sebagai satu daripada pengaliran air daripada tempat-tempat yang tertentu. Yang ketiga ialah infrastruktur parit-parit yang sedang dibina oleh Dewan Bandaraya untuk mengalirkan air dari tempat-tempat perumahan ke sungai-sungai kecil yang saya sebutkan tadi. Untuk makluman Yang Berhormat itu pada masa ini kerja atau usaha yang bersungguh-sungguh telah dibuat oleh Jabatan Parit dan Taliair untuk membesarkan sungai yang berkenaan yang mana pada masa ini saya rasa boleh dilihat dan begitu juga kerja-kerja untuk membesarkan anak-anak sungai juga sedang dipercepatkan pada masa sekarang.

Mengenai dengan parit-parit atau infrastruktur parit yang dibina untuk menuju ke anak-anak sungai yang berkenaan inipun sedang dijalankan oleh Dewan Bandaraya. Walau bagaimanapun, memandangkan keadaan pembangunan yang begitu cepat di Kuala Lumpur ataupun di Wilayah Persekutuan ini, maka tentulah barangkali terdapat juga banjir kecil yang mungkin berlaku di Wilayah Persekutuan ini. Tetapi jika dibandingkan dengan lain-lain tempat ataupun jika dibanding dengan masa-masa yang lalu, saya fikir Yang Berhormat itu pun tentu bersetuju keadaan hari ini adalah sudah bertambah baik. Namun demikian, Kementerian tidaklah berdiam diri, malahan seperti yang saya katakan tadi segala usaha sedang kita buat untuk mempercepatkan kerja-kerja membesar dan membersihkan sungai dan juga anak-anak sungai dan seterusnya membina parit-parit yang diperlukan. Perkara ini telah saya huraikan dengan lebih mendalam di masa saya menggolong perbahasan mengenai dengan Perbelanjaan bagi tahun 1982 dan saya tidak bermaksud untuk berucap dengan lebih panjang lagi untuk menerangkan perkara ini.

Antara perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat juga ialah yang berkaitan

dengan kempen ataupun program kebersihan dan pengindahan Wilayah Persekutuan di mana kata beliau terdapat bangunan-bangunan yang masih lama, yang tidak dicat dan mungkin ini akan menimbulkan satu suasana yang kurang sihat, kurang bersih di dalam Wilayah Persekutuan ini.

Sebenarnya pada masa ini satu Jawatankuasa telahpun diadakan yang bertanggungjawab berkaitan dengan kebersihan dan pengindahan Wilayah Persekutuan ini dan mesyuarat-mesyuarat dengan mereka yang berkenaan termasuk Jabatan-jabatan Kerajaan telahpun diaturkan. Salah satu perkara yang telah dipersetujui ialah untuk meminta Jabatan-jabatan Kerajaan di Wilayah Persekutuan ini mengecatkan dan mengindahkan, membersihkan kawasan masing-masing dan begitu juga Dewan Bandaraya akan meminta semua firma-firma dan pekedai-pekedai di dalam Kuala Lumpur ini supaya bekerjasama untuk mengecat dan mengindahkan kawasan masing-masing. Dalam hubungan ini juga sebenarnya Kementerian pada masa ini sedang mengatur untuk memanggil satu mesyuarat ataupun perundingan dengan pihak swasta, dengan firma-firma dan juga badan-badan, persatuan-persatuan yang terdapat di Wilayah Persekutuan ini supaya dengan demikian dapatlah Kementerian ataupun Dewan Bandaraya duduk bersama-sama dengan mereka ini dan berbincang seterusnya memikirkan bagaimana cara ataupun bagaimana langkah-langkah yang dapat diambil untuk mengambil bahagian di dalam pembersihan dan pengindahan Kuala Lumpur ini. Dan ini akan dijalankan tidak berapa lama lagi dan di harap semua pihak yang berkenaan akan dapat memberi kerjasama dengan Kementerian dalam perkara ini.

Lagi perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu iaitu berkaitan dengan kebersihan Bandaraya ialah mengenai dengan sistem pengutipan sampah-sarap yang mengikut beliau tidak begitu memuaskan. Ini juga adalah satu perkara yang sekarang sedang diuruskan ataupun sedang dikaji oleh Kementerian di mana kita berharap tidak berapa lama lagi satu sistem yang lebih

memuaskan akan dapat kita adakan dan ini akan melibatkan kakitangan Dewan Bandaraya yang mana ini juga akan melibatkan pembelian beberapa jentera termasuk lori-lori yang terlibat untuk digunakan di dalam program kita membersihkan Bandaraya dan juga mengindahkannya.

Walau bagaimanapun, inginalah saya memberi sedikit pandangan di dalam perkara ini iaitu apa yang sangat penting saya rasa ialah penyertaan rakyat kita sendiri. Walaupun Dewan Bandaraya misalnya dapat mengadakan satu sistem pungutan sampah yang begitu sempurna, tetapi sekiranya tidak ada kesedaran, sekiranya tidak ada kerjasama dari rakyat kita sendiri di Kuala Lumpur ini adalah perkara ini sangat susah untuk dicapai. Misalnya kalaulah sampah itu dipungut, tetapi lima minit kemudian di buang pula oleh masyarakat kita di Kuala Lumpur ini, maka ini adalah satu perkara yang sangat susah untuk dicapai, tetapi sekiranya seluruh masyarakat atau penduduk di Wilayah Persekutuan ini memahami keadaan ini dan dapat bekerjasama dengan Kementerian ataupun Dewan Bandaraya di dalam kita melancarkan kebersihan dan pengindahan Kuala Lumpur ini ataupun Wilayah Persekutuan ini, saya berpendapat perkara ini akan dapat kita capai dan dapat kita membina atau membersihkan seluruh kawasan Wilayah Persekutuan ini.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan pungutan sampah yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi iaitu untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu pada masa ini Dewan Bandaraya juga sedang mengatur supaya tempat-tempat yang tertentu di mana kerja-kerja untuk memungut sampah tidak begitu meluas atau tidak begitu banyak, maka tempat-tempat yang berkenaan akan ditender kepada syarikat-syarikat swasta supaya mereka juga dapat mengambil bahagian di dalam pembersihan dan pengindahan Bandaraya ini.

Tuan Pengerusi, saya rasa sekian sahajalah yang dapat saya terangkan secara ringkasnya dan sekali lagi mana-mana perkara yang tidak dapat saya sebutkan akan diambil perhatian untuk pertimbangan Kementerian.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$4,750,337 untuk Maksud B. 24 di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$4,750,337 untuk Maksud B. 24 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$600,000 yang disebutkan dalam Maksud P. 24 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1981 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$600,000 untuk Maksud P. 24 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1981.

Maksud B. 25 (Jadual Kedua)—

Maksud P.23 (Anggaran Pembangunan) (Tamb.) (Bil.4), 1980—

Tuan Pengerusi: Sekarang Majlis menimbangkan P. 23 iaitu hanya perbelanjaan tanda \$10 dan B. 25 di bawah Kementerian Perusahaan Utama dibuka untuk perbincangan. Ahli Yang Berhormat dari Petaling.

5.18 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Petaling): Tuan Pengerusi, saya mahu menyentuh satu perkara sahaja iaitu B. 25, Butiran 4100, peruntukan kecil 9 iaitu mengenai Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia (MARDEC) di mana ada permintaan untuk \$67 juta.

Tuan Pengerusi, MARDEC adalah memainkan peranan untuk menolong pekebun-pekebun kecil getah yang antara tugasnya ialah membeli, memproses dan memasarkan getah hasil daripada tanaman

pekebun-pekebun kecil dan keupayaan pengeluaran MARDEC kalau saya tidak silap dengan 16 buah kilang-kilangnya adalah meningkat dari 20 tan metrik sehari dalam tahun lepas iaitu tahun 1980 kepada 80 tan metrik sehari dalam tahun 1981. Dan oleh sebab itu MARDEC sekarang boleh disifatkan sebagai pengeluar SMR yang terbesar bukan sahaja di Malaysia, tetapi pengeluar dan pengeksport yang terbesar technically specified rubber di dunia.

Tuan Pengerusi, dengan permintaan sekarang untuk \$67 juta bagi MARDEC, saya rasa kita menghadapi satu masalah yang sangat pokok dan yang sangat penting ialah mengenai cara Parlimen atau Dewan yang mulia ini akan mengadakan satu sistem kawalan, satu sistem monitoring mengenai wang-wang yang kita luluskan sama ada wang-wang yang kita luluskan digunakan dan dibelanjakan dengan cara yang baik dan efficient.

Baru-baru ini kita ada dimaklumkan bahawa tiap-tiap tahun Badan-badan Berkanun baikpun Perbadanan Ekonomi Negeri-negeri atau Lembaga Padi dan Beras Negara ataupun UDA yang mengikut Menteri Perusahaan Awam apabila Laporan Ketua Audit Negara mengenai UDA akan dikeluarkan akan mendedahkan banyak hal-hal kepincangan kewangan. Semua ini menunjukkan bahawa adalah sangat perlunya mengadakan sistem kawalan terhadap badan-badan yang bertanggungjawab untuk membelanjakan wang-wang rakyat. Tetapi sungguhpun sekarang ada satu pemeriksaan yang lebih mendalam mengenai Badan-badan Berkanun dan kita harap bahawa Laporan-laporan Ketua Audit Negara mengenai beberapa Badan-badan Berkanun akan dapat hasil yang baik di mana ada pembetulan-pembetulan diadakan.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Saya dapati satu masalah yang besar sekarang ialah bagaimana kita boleh menentukan bahawa badan-badan semacam MARDEC yang bukan satu Badan Berkanun (Statutory Corporation) tetapi satu badan

yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat, bahawa badan-badan atau syarikat-syarikat Kerajaan ini menjalankan dan membelanjakan wang-wang rakyat dengan secara betul, tidak berlaku kepincangan-kepincangan kewangan, penyelewengan, malpractices, korupsi atau lain-lain.

Semacam hari ini Dewan yang mulia ini diminta untuk meluluskan \$67 juta kepada MARDEC tetapi bagaimana kita tahu apa yang berlaku dan sampai hari ini semenjak penubuhan MARDEC, Dewan yang mulia ini ada meluluskan peruntukan-peruntukan yang sangat besar. Di Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga, daripada tahun 1971 ke tahun 1980, peruntukan untuk MARDEC ialah sebanyak \$184 juta. Kita sepatutnya ada tanggungjawab untuk tahu prestasi MARDEC oleh kerana MARDEC menggunakan wang rakyat. Saya menimbulkan hal ini oleh kerana sudah lama ada sungutan-sungutan mengenai salah pentadbiran, salahguna kuasa dan kepincangan-kepincangan yang berlaku dalam menjalankan tugas MARDEC dan saya ada diberi satu angka bahawa kerugian terkumpul (accumulated losses) yang dihadapi oleh MARDEC sekarang sebanyak \$60 juta. Ini satu angka kalau tepat, adalah satu angka yang sangat besar; kalau tidak tepat, \$30-\$40 jutapun satu masalah yang Dewan yang mulia ini ada tanggungjawab untuk menyasat dan dengan 16 kilang-kilang yang ada di seluruh negara untuk memproses getah untuk mengeluarkan SMR. Saya rasa masa sudah sampai di mana Kementerian Perusahaan Utama patutlah mengadakan satu siasatan pada keseluruhannya mengenai prestasi MARDEC semacam apa yang dibuat oleh Ketua Odit Negara terhadap Badan-badan Berkanun supaya ada satu peluang di mana Dewan yang mulia ini dan rakyat boleh dapat satu fahaman yang lebih mendalam sama ada MARDEC, sungguhpun satu syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat sebenarnya satu syarikat rakyat, satu syarikat Kerajaan di mana ada berlaku penyelewengan dan di mana langkah-langkah boleh diambil untuk membetulkan. Kalau tidak, apa yang berlaku akan terus berlaku dan kalau tidak sekarang accumulated losses \$67 juta, 5 tahun lagi mungkin lebih daripada \$100 juta.

Saya haraplah bahawa perkara ini boleh mendapat perhatian yang serius daripada pihak Kementerian Perusahaan Utama. Saya tidak mahu buat apa-apa tuduhan terhadap sesiapa pegawai-pegawai tetapi inilah satu masalah kita tidak patut menutup mata kita dan yang ada nyatakan bahawa banyak badan-badan yang dijalankan dengan wang-wang rakyat bahawa mesti ada sekurang-kurangnya satu kali 5 tahun, tidak sebagaimana sekarang, 10 tahun belum ada satu siasatan. Saya harap bahawa Kementerian Perusahaan Utama akan siasat perkara ini oleh kerana kita tidak boleh membenarkan satu badan semacam ini yang sepatutnya mendapat keuntungan bersih tiap-tiap tahun tetapi ada accumulated losses oleh kerana segi operational begitu banyak.

Kedua, saya pun ada dapat sungutan-sungutan daripada pihak pekebun-pekebun kecil bahawa MARDEC apabila membeli getah daripada mereka, membeli dengan satu harga yang rendah daripada harga pasaran dan inilah satu perbuatan yang tidak adil. Saya harap bahawa Kementerian berkenaan boleh siasat perkara ini dan membetulkan perkara ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kulim-Bandar Bahru.

4.08 ptg.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim-Bandar Bahru): Tuan Pengerusi, saya hanya hendak membuat pandangan sedikit mengenai Kementerian Perusahaan Utama iaitu mengenai usaha-usaha yang sedang pun dijalankan oleh pihak Kementerian untuk menolong pekebun-pekebun kecil di luar bandar mengenai harga getah.

Tuan Pengerusi, sebenarnya kami yang mewakili kawasan-kawasan khasnya di mana kebanyakannya terdiri dari pekebun-pekebun kecil getah susah sekarang ini sebab kalau kita pergi ke kawasan-kawasan luar bandar, kita tengok keadaan mereka memanglah satu masalah yang sedih sekali. Sungguhpun harga getah sudahpun naik ke tahap yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan keadaan yang terdapat pada masa dahulu, iaitu semasa mogok lapar dan sebagainya di Baling dahulu, namun kemudian dari segi real income, saya

rasa rakyat lebih teruk lagi dari keadaan yang terdapat pada masa dahulu. Cuma yang saya hendak membangkitkan di sini adalah mengenai daya desakan yang mana saya rasa tidak ada Kementerian yang berkenaan pada masa ini sebagaimana daya desakan yang terdapat pada tahun 1972, kalau tidak salah saya.

Semasa itu sudah ada tunjuk perasaan dan sebahagiannya di Kedah pada masa itu kita dapat melihat bagaimana Menteri yang berkenaan terbang pergi ke Bangkok, ke Jakarta, ke Singapura dan merata-rata dalam usahanya untuk memujuk negeri-negeri itu mengadakan satu strategi bersama untuk menaikkan harga getah dan oleh sebab cara-cara tindakan yang diambil itu dengan satu daya desakan yang begitu bersungguh-sungguh maka dalam masa sekejap sahaja harga getah sudah dinaikkan, boleh kalau hendak buat. Saya minta maaf, Tuan Pengerusi, saya terpaksa mengatakan di sini bagi pihak 500,000 keluarga pekebun kecil yang terdapat dalam negeri kita ini pihak Kementerian Perusahaan Utama sekarang ini tidak bertindak dengan bersungguh-sungguh untuk menaikkan harga getah ini.

Misalnya kita tahu, Kerajaan sendiri sedar, Kerajaan sendiri bersetuju bahawa harga minima pasaran getah sebelum jentera stok penimbal dapat bergerak perlu dinaikkan dan semasa persidangan Perjanjian Getah Antarabangsa baru-baru ini Kuala Lumpur kita dapati satu keputusan yang mengecewakan rakyat, iaitu mereka tidakpun bersetuju untuk menaikkan harga minima ini. Tetapi satu bukti yang saya mengatakan bahawa Kerajaan haruslah mengambil tindakan-tindakan yang lebih serius, seharusnya sebelum mesyuarat itu patutlah kita pergi ke negeri-negeri yang berkenaan yang menjadi ahli Pertubuhan Perjanjian Getah Antarabangsa itu untuk lobi kerajaan-kerajaan berkenaan sepertimana yang dibuat pada masa dahulu. Saya rasa kalau kempen atau kerja-kerja melobi yang sewajarnya dibuat telahpun dibuat maka sudah tentulah semasa persidangan baru-baru ini harga minima tersebut dapat dinaikkan.

Dengan itu saya rasa sudah tentulah peluang untuk kita memperbaiki harga getah

ini dapat diperbaiki. Misalnya saya terbaca dalam satu majallah dalam dua tiga hari sudah iaitu mungkin harga getah ini tidak akan pulih sehingga pertengahan tahun hadapan. Kalau perkara ini dapat di ketahui umum oleh pekebun-pekebun kecil, ini adalah satu berita yang cukup-cukup mengecewakan, pertengahan bermakna enam bulan lagi. Saya harap pihak Kementerian akan memikirkan bersungguh-sungguh dan menggunakan network yang sedia ada dengan Kementerian Luar Negeri dan sebagainya untuk menggembelingkan opinion antarabangsa supaya masalah harga getah ini dapat diperbaiki dalam masa yang sesingkat-singkatnya.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

4.14 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian di bawah Kementerian Perusahaan Utama yang berkaitan dengan Majlis Perdagangan Komoditi dan MARDEC—Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia.

Tuan Pengerusi, satu perkara yang saya suka membangkitkan ialah mengenai keputusan Persidangan yang diadakan di Kuala Lumpur baru-baru ini mengenai penyerapan ceiling price and floor price yang ada berkaitan dengan harga getah yang kita alami hari ini.

Saya sungguh berasa sedih dan terperanjat untuk membaca dan melihat bahawa bagaimana nasibnya Malaysia sebagai sebuah pengeluar bahan-bahan mentah seperti yang menduduki begitu besarnya percentage di dunia ini tetapi akhirnya kita dapati harganya bukanlah terkawal dan ditetapkan oleh Malaysia sendiri sebagai sebuah pengeluar getah.

Saya berasa dukacita bahawa Kementerian yang berkenaan tidak memberikan atau menggambarkan kepada Dewan yang mulia ini kedudukan yang sebenarnya apa yang sudah berlaku dalam persidangan baru-baru

ini. Adakah Malaysia sudah berusaha sebelum persidangan ini sepertimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kulim-Bandar Bahru iaitu usaha-usaha untuk mencari kerjasama dan bersatupadu di antara pengeluar-pengeluar getah yang ada berkaitan dengan kepentingan nasib mereka sendiri. Saya tidak tahu adakah Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia juga bersama-sama memainkan peranannya yang mustahak ini. Jika tidak saya berasa curiga bagaimana harga getah ini boleh dikembalikan atau distabilkan melalui usaha mereka sendiri. Apakah sebabnya pengeluar-pengeluar getah ini tidak boleh bersatu padu untuk menghadapi tekanan dan ugutan yang dibawakan oleh negara-negara yang menggunakan getah-getah kita.

Saya harap Malaysia boleh berwaspada sebelum sesuatu persidangan antarabangsa yang diadakan yang berkaitan dengan kepentingan ekonomi negara kita ini sekurang-kurangnya usaha-usaha lobi ini perlu dijalankan kerana saya tidak menggalakkan atau mencadang supaya Malaysia perlu menjadi sebagai pengemis untuk pergi meminta sedekah daripada negara-negara yang maju yang menggunakan getah kita. Tetapi apa yang saya cuba cadangkan ialah kita perlu mencari satu jalan keluar atau mengadakan satu formula baru untuk mewujudkan satu order ekonomi yang baru di rantau ini. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri melaporkan kepada Dewan yang mulia ini apakah yang sudah berlaku dalam persidangan ini dan juga apakah usaha-usaha yang lebih konkrit untuk memperbaiki harga getah yang Malaysia hadapi hari ini dan apakah langkah-langkah yang akan dicadangkan untuk menyatu-padu dan memperkukuhkan kedudukan negara-negara yang menggunakan getah Malaysia.

Tuan Pengerusi, akhirnya, saya perlu meminta satu penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan iaitu apakah hasilnya atau apakah reaksi yang telah diperolehi daripada Amerika Syarikat selepas Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama telah mengemukakan satu strong protest terhadap Amerika Syarikat tentang pelepasan stok timahnya baru-baru ini. Saya fikir apa yang dilakukan oleh Amerika

Syarikat adalah sangat tidak adil dan tidak menjaga kepentingan bersama di antara negara yang maju dan negara yang sedang membangun. Adakah adil bagi Amerika Syarikat pada saat di mana Malaysia sedang menghadapi masalah kemerosotan harga timah ini tetapi pada saat inilah Amerika Syarikat cuba melepaskan stok timahnya untuk membawakan satu pukulan yang sangat hebat terhadap kepentingan ekonomi Malaysia.

Saya di sini adalah merayu kepada Amerika Syarikat boleh mengubah sikapnya dan mempertimbangkan sekali lagi keputusannya supaya satu kerjasama yang lebih bermakna boleh dibawakan melalui tindakan yang jujur iaitu janganlah cuba menggunakan stok timahnya untuk mengugut kepentingan ekonomi negara kita. Saya harap nanti Yang Berhormat boleh melaporkan kepada Dewan yang mulia ini apakah tindakan yang sewajarnya telah diambil oleh Amerika Syarikat selepas satu strong protest telah dihantar oleh Kerajaan kita.

Saya harap keutuhan dan kedaulatan ekonomi Malaysia boleh dihormati oleh negara-negara yang maju yang meminta kerjasama di antara negara-negara termasuk yang dalam dunia ketiga (Third World), day saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberikan satu laporan yang lengkap tentang kedua-dua perkara yang saya sebutkan tadi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.12 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pendapat-pendapat masing-masing tadi dan moga-moga dengan cadangan yang telah diberi maka dapatlah insya Allah Kementerian saya berusaha mempertingkatkan mutu prestasi Kementerian ini ke arah matlamat yang kita tuju.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling telah menyentuh tentang perkara perbelanjaan kepada agensi-agensi Kerajaan ataupun

Government Corporations, dengan izin, yang menjalankan perniagaan dan menggunakan public funds dan beliau juga menyarankan supaya pihak Kerajaan terutama sekali Parlimen diberi kuasa yang berkesan (effective) untuk menentukan supaya perbelanjaan itu tidak akan digunakan dengan cara yang membazir dan tidak memberi manafaat kepada rakyat.

Sebenarnya mengikut pandangan saya soal seperti ini haruslah ditujukan kepada Menteri Kewangan yang saya rasa dalam kedudukan yang sesuai untuk menjawabnya. Namun demikian ingin saya menjelaskan berhubung dengan MARDEC yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya sentiasa memberi garis panduan ataupun terkandung dalam Akta Perbadanan itu yang ia harus mengemukakan laporan tahunannya kepada Kementerian dan juga kepada Parlimen. Dan di samping itu menyentuh tentang penguasaan dan.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat hendak beri jalan?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Ya

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa ada laporan MARDEC yang telah dibentang kepada Parlimen.....

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Ada.

Tuan Pengerusi: Baik, teruskan.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Jadi satu cara pada umumnya bagaimana pihak Kerajaan menentukan supaya perbelanjaan yang diberi oleh Kerajaan juga diawasi ialah melalui P.A.C. (Public Accounts Committee). Di samping itu....

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Hendak beri jalan, Yang Berhormat?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tidak beri jalan.

Tuan Pengerusi: Baik, teruskan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya minta point of order bahawa.....

Tuan Pengerusi: (Kepada Tuan Bujang bin Haji Ulis): Teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Saya ingin Yang Berhormat dari Petaling memberi peluang kepada saya untuk meneruskan ucapan ini.

Tuan Pengerusi, soal penyalahgunaan perbelanjaan bagi agensi-agensi ini saya rasa memang selalu dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Parlimen dan saya rasa sebagaimana saya telah beritahu tadi memanglah sesuai saya rasa bagi Kementerian ataupun pihak yang berkuasa selain daripada Kementerian saya ini untuk memberitahu Ahli Yang Berhormat sebenarnya dan memanglah sudah selalu diberitahu bahawa Kerajaan mempunyai agensi-agensi ataupun cara-caranya untuk menentukan setiap wang yang dibelanja oleh Kerajaan itu akan digunakan oleh pihak yang diberi ataupun mendapat bantuan dengan cara berkesan yang baik dan menguntungkan pihak rakyat.

Saya juga akan mengambil perhatian terhadap apa yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling mengenai Perbadanan MARDEC ini yang telah dikatakan kononya penyalahgunaan ataupun mendapat kerugian sebanyak \$60 juta dalam usahanya menjalankan aktiviti perniagaannya. Insya-Allah saya akan selidik perkara ini dan akan menentukan sama ada apa yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling itu benar atau tidak.

Apa yang telah diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi dalam masa soal jawab ialah sama ada dia itu golongan yang atasan, rendah ataupun bawahan ataupun sederhana. Kerajaan akan ambil tindakan terhadap sesiapa sahaja yang buat kesalahan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Petaling juga menyentuh tentang MARDEC membeli getah dengan harga yang murah. Perlu saya jelaskan bahawa dalam operasi MARDEC untuk membeli getah saya rasa

tidaklah boleh kita melemparkan tuduhan bahawa MARDEC ini semata-mata berjalan ataupun menjalankan aktiviti ataupun tugasnya untuk mendapat untung kerana pihak Kementerian saya sentiasa mengawasi supaya MARDEC dalam usahanya membeli getah dari pekebun-pekebun kecil yang berlagak sebagai penyelamat kepada pekebun-pekebun kecil dan malah sebagaimana telah diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama dan juga saya sendiri dalam menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, MARDEC, RISDA dan juga badan-badan lain adalah badan-badan yang diharapkan dapat membeli getah dari pekebun-pekebun kecil untuk menentukan supaya harga getah itu akan stabil.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kulim-Bandar Bahru telah menyentuh tentang harga getah dan juga Pertubuhan Getah Antarabangsa dan Perjanjian Getah Antarabangsa dan begitu juga Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka; mereka telah menyarankan bahawa nampaknya setakat ini kesan dari usaha-usaha yang telah dibuat oleh Kementerian Perusahaan Utama dan juga agensi-agensi Kerajaan yang lain tidak begitu berjaya dalam menentukan yang harga itu akan stabil. Memanglah, Tuan Pengerusi, sebagaimana telah saya selalu jelaskan di dalam Dewan yang mulia ini dan juga di luar Dewan bahawa faktor yang menyebabkan harga getah turun bukanlah semata-mata kerana Kementerian Perusahaan Utama gagal untuk menjalankan tugasnya sebagai Kementerian Kerajaan. Saya telah beritahu beberapa kali bahawa keadaan ekonomi dunia yang merosot dan juga permintaan dari pihak pembeli yang lembab menyebabkan harga bahan-bahan utama, bukan hanya getah tetapi bahan-bahan lain, jatuh harganya. Jadi oleh itu saya rasa tidaklah seharusnya tuduhan-tuduhan itu ditumpukan semata-mata kepada Kementerian saya.

Tuan Pengerusi, sebenarnya pada masa tahun 1972 sebagaimana yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kulim-Bandar Bahru, apa yang dikatakan oleh beliau ialah Menteri pada masa itu pergi ke sana, pergi kemari, terbang ke sana, terbang kemari

untuk melobikan negara-negara pembeli getah asli supaya mereka dapat memberi persetujuan supaya strategi bersama ke arah pencapaian matlamat menstabilkan harga getah akan dapat dicapai.

Pada masa itu harga getah mulai turun dari tahun 1972 hingga tahun 1975 lebih kurang 4 tahun. Jadi, di masa itu diadakan oleh Kerajaan apa yang dikatakan crash programme bila masa seluruh tenaga Kerajaan, apa yang boleh berlaku dilakukan untuk menentukan supaya harga getah itu stabil. Sebenarnya Menteri ataupun pihak yang menjaga Kementerian ini pada masa itu pergi ke sana, pergi ke sini, terbang ke sana, terbang ke sini ialah kerana mereka hendak mendapatkan persetujuan dari semua negeri-negeri pengguna dan juga pengeluar getah asli supaya dapat mewujudkan apa yang dikatakan sekarang dan dibincangkan sekarang sebagai International Natural Rubber Organisation yang telah wujud sekarang yang baharu sahaja berjalan operasinya selama 10 tahun lebih.

Menyentuh tentang saranan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka supaya saya dapat menjelaskan, apakah keadaannya mengenai keputusan mesyuarat yang diadakan baharu-baharu ini di Kuala Lumpur atas usaha INRO untuk menentukan price range supaya floor price dapat ditinggikan, bolehlah saya jelaskan bahawa saya telah beritahu dahulu yang mereka tidak dapat menyetujuinya kerana mengikut perjanjian price range ini akan hanya dapat dinaikkan selepas ataupun ditimbang kenaikan selepas INRO ini menjalankan operasinya selama 18 bulan. Jadi tarikh yang sesuai untuk mengemukakan perkara ini insya Allah dalam bulan April, 1982 akan datang. Dengan itu, saya rasa kita haruslah berusaha dari hari ini kalau dapat untuk melobi negeri-negeri yang menggunakan getah asli dan juga yang mengeluarkan getah asli supaya dapat menyokong hasrat kita untuk menentukan supaya price range dan floor price perjanjian getah antarabangsa akan dapat ditinggikan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga telah bertanya kepada Kementerian ini, apakah langkah yang diambil oleh Amerika Syarikat selepas Yang

Berhormat Menteri Perusahaan Utama dan juga negeri-negeri pengeluar bijih timah meminta supaya Amerika Syarikat tidak akan menjual stok timah di open market yang ada padanya. Setakat ini, kita sebenarnya telah meminta supaya Kerajaan Amerika Syarikat Pentadbiran Reagan tidak akan mengambil tindakan untuk menjual stok timahnya ke pasaran open market, sekiranya ini berlaku akan jatuhlah harga timah.

Sebenarnya setakat ini Embassy ataupun Duta Amerika Syarikat di Kuala Lumpur telah menyampaikan hasrat kita dan juga menyampaikan hasrat Kerajaan-kerajaan yang mengeluarkan bijih timah ini supaya tindakan untuk menjualnya tidak akan diambil oleh Kerajaan Amerika. Jadi kita harap—ini harapan kita sahaja kadang-kadang kita berharap tetapi negeri yang kita minta jangan melakukan itu sentiasa melakukan juga tetapi kita sentiasa memohon kepada mereka, meminta supaya tindakan itu tidak diambil kerana akibat daripada tindakan itu sekiranya diambil adalah buruk terhadap pengeluar bijih timah di dunia ini. Harapan kita itu, saya berharap Ahli Yang Berhormat.

Tuan Chan Teck Chan: Untuk penjelasan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat hendak beri jalan?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Ya.

Tuan Chan Teck Chan: Adakah ini bererti kedudukan Malaysia dalam perjanjian timah antarabangsa ini, Malaysia hanya berkelayakan atau bertaraf untuk harap, minta dan merayu sahaja tidak boleh buat apa-apa atas perkara ini. Apakah kedudukan Malaysia yang ada sekarang nampaknya sangat kesihan hanya boleh merayu, memohon sungguhpun kita ada bersama-sama menandatangani perjanjian-perjanjian yang berkenaan. Apakah tindakan yang konkrit boleh memaksa Amerika Syarikat untuk mengubah sikapnya demi kepentingan negara-negara yang membangun juga berasaskan kepada persahabatan antara kedua-dua negara bagi membatalkan keputusannya.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Pengerusi, sebenarnya mengikut perjanjian timah

antarabangsa, memang ada clause dalam perjanjian itu yang mengatakan bahawa sekiranya Amerika Syarikat ingin hendak menjual stok timahnya ke pasaran terbuka maka ia mesti mendapat consultation ataupun mengadakan konsultasi dengan Pertubuhan Timah Antarabangsa. Jadi, inilah harapan kita bahawa dengan adanya clause ini Amerika Syarikat akan juga diharapkan mengikut ataupun mendisiplinkan diri supaya tidak menjualkan timahnya di pasaran terbuka.

Tuan Pengerusi, saya rasa tidak ada apa-apa lagi yang hendak saya tambah dan saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyarankan beberapa pendapat kepada Kementerian ini dan insya Allah sekiranya apa yang telah saya sebutkan tadi mungkin ada berlainan sedikit, sekiranya ada tertinggal semasa saya memberi penjelasan tadi, insya Allah akan saya ambil perhatian di masa akan datang.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya berdiri atas on a point of order. Oleh kerana saya percaya bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah dua kali melanggar privilege atau keistimewaan apabila beliau ada berkata, yang pertama bahawa MARDEC ada membentangkan laporan tahunannya kepada Dewan yang mulia ini. Dan kedua, bahawa perkara MARDEC ada di bawah lingkungan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Oleh kerana kalau saya tidak silap kedua-duanya ini tidak benar dan hari ini pun, tadi saya ada di Perpuustakaan Parlimen dan sudah mencari satu laporan pun tidak boleh dapat, dan saya tidak boleh ingat ada menengok satu laporan MARDEC tetapi kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak tahu—tidak tentu dan cuba untuk berbohong kalau dia sekarang boleh kata begitu, itu lain hal, tetapi kalau dia sengaja mahu mengelirukan dan berkata apa yang tidak benar, itu sangat jelas—satu breach of privilege. Saya berhasrat untuk merujukkan dia kepada Jawatankuasa Hak Istimewa, tetapi kalau beliau sekarang mengaku dalam kedua-dua perkara ini dia tidak tentu, dia cakap-cakap sahaja, pura-pura sahaja; siapa-siapa pun boleh buat kesilapan tetapi kalau dia benar bahawa apa yang dia kata itu benar, saya akan cek dan saya percaya kedua-duanya

itu tidak benar, itu satu breach of privileges, dan saya rasa patut beri dia satu peluang kalau dia mahu untuk undur satu kaki.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Saya suka hendak memberi penjelasan juga. Kadang-kadang apa yang telahpun diperkatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi pun jelas dari nada suaranya dan sebagainya bahawa dia rasa penyata yang berkenaan itu telahpun dibentangkan. Benda itu jelas dari nada suaranya tetapi bukanlah dia kata itu dengan tepat yang ini tetap sudahpun dibentangkan, itu nada suaranya dan ucapan keseluruhannya jelas membuktikan yang dia rasa bahawa penyata itu telah dibentangkan tetapi kalau kita hendak membuang masa—split hair dalam Dewan yang mulia ini, saya rasa masa Dewan ini adalah terlalu berharga untuk kita membangkitkan perkara-perkara yang terlalu kecil. Jadi, saya mintalah supaya Tuan Pengerusi mengenyahkan sahaja benda-benda yang terlalu petty dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, dalam perkara minta penjelasan ini cuma diminta penerangan. Jikalau Yang Berhormat hendak memberi penerangan diizinkan. Kalau tidak setakat yang telah diberitahu itu kita terimalah.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Pengerusi, sebenarnya dalam akhir percakapan saya pun saya telah berkata, bahawa sekiranya apa yang telah saya katakan mungkin terkeluar sedikit, akan saya usahakan untuk menentukan dan membetulkannya. Itu menunjukkan bahawa nada apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat itu, nadanya, saya rasa tidaklah melanggar apa yang telah dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, kalau begitu ini jadi satu tempat permainan, ada atau tidak ada sebab dalam MARDEC tak pernah dan tak perlu bentang apa laporan, bukan belum bentang. Sehingga tahun 1972 sampai sekarang tak pernah, tak perlu, itulah

masalah. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri kata rasanya sudah bentang atau tidak bentang tetapi akan bentang, itu lain hal tetapi ini tidak benar. Inilah menunjukkan bahawa ada Menteri-menteri atau Timbalan-timbalan Menteri datang sini tidak sedia satu homework, mahu pura-pura sahaja, ini tidak boleh dibenarkan. Saya harap bahawa beliau ada kata tidak ada atau tarik apa dia kata, kalau tidak, itu tentu satu pelanggaran. Orang yang tidak ada hair tak payah splitlah.

Tuan Pengerusi: Baik. Yang Berhormat, saya dengar daripada ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi itu bahawa ucapan itu umum dan jikalau misalnya kata lepas mesyuarat besok kita hendak tengok betul-betul cakap, itu boleh kita rundingkan balik tetapi setakat ini sudah cukup untuk di teruskan sekarang ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$70,256,074 untuk Maksud B. 25 di bawah Kementerian Perusahaan Utama jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$70,256,074 untuk Maksud B. 25 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan dalam Maksud P. 23 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 1980 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P. 23 diluluskan jadi sebahagian dari Anggaran Pembangunan (Tambahan.) (Bil. 4), 1980.

Maksud B. 26 (Jadual Kedua)—

Maksud P.24 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4), 1980—

Maksud P. 26 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1981—

Tuan Pengerusi: Sekarang ini Maksud Bekalan B. 26 sebanyak \$48,379,500 bagi Anggaran Belanja Mengurus (Tambahan) (Pertama), 1981 dan Maksud Pembangunan P. 24 sebanyak \$90 di bawah Maksud Pembangunan (Tambahan) (Keempat), 1980 dan juga P. 26 di dalam Anggaran Pembangunan (Tambahan)(Kedua), 1981 sebanyak \$7,500,000 di bawah Anggaran Perbelanjaan tahun 1980 di bawah Kementerian Pertanian, sekarang ini terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

4.43 ptg.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian di bawah Butiran 2100, B. 26 iaitu di bawah Sumber-sumber Alam Perikanan.

Tuan Pengerusi, di sini saya suka menarik perhatian Dewan yang mulia ini atas ucapan ketika Menteri Pertanian mengulung perbahasan dalam Belanjawan ini pada 19hb. November yang lepas ini yang ada berkaitan dengan masalah-masalah bot-bot pukut tunda.

Tuan Pengerusi, saya memang mengakui bahawa kaum nelayan di sepanjang pantai laut ini adalah menghadapi berbagai masalah, umpamanya, keluaran tangkapan ikan dan udang sudah berkurangan dan ukuran ikan dan udang ini kian menjadi kecil. Masalahnya ialah siapakah yang menjadikan masalah ini berlaku, adakah disebabkan kerana adanya bot-bot pukut tunda?. Dalam satu majlis dialog diadakan di Sabak Bernam pada 25 haribulan di antara saya dengan seorang Exco dari Selangor dan dua Wakil Rakyat Ahli Dewan Undangan Negeri dari Selangor dan dua Wakil Rakyat Ahli Dewan Undangan Negeri dari Selangor dengan lebih 200 wakil-wakil nelayan dan bot-bot pukut tunda di Sabak Bernam, pada malam itu kita sudah dapat membincangkan berbagai aspek masalah yang mereka hadapi dan saya ada menerangkan apa yang sudah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian mengenai masalah pukut tunda. Mereka merasa terperanjat bahawa jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian ini nampaknya tidaklah memahami masalah yang

sebenarnya dihadapi oleh kaum nelayan tentang pukut tunda. Umpamanya, ukuran jaring 1 inci diluaskan kepada 1½ inci sebenarnya adalah merupakan satu keputusan yang tidak realistik dan merupakan satu pukulan yang sangat hebat terhadap beribu-ribu kaum nelayan di sepanjang Perak, Selangor dan lain-lain kawasan termasuk Johor.

Tuan Pengerusi, masalahnya ialah jika sekiranya ukuran jaring ini dibesarkan sehingga 1½ inci ini maka tangkapan dan pendapatan bagi kaum nelayan dari bot-bot pukut tunda ini adalah sangat-sangat berkurangan. Satu kajian yang praktikal telah diadakan oleh pakar-pakar perikanan baru-baru ini, iaitu jika kita menggunakan dua jenis jaring, satu yang berukuran 1 inci dan satu yang berukuran 1½ inci nampaknya hasil dari tangkapan dari 1½ inci dari pukut-pukut tunda ini adalah hanya merupakan ⅓ daripada bot-bot yang menggunakan jaring yang berukuran 1 inci. Laporan ini sudah disiapkan dan akan dibentangkan kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian kerana hasil kajian ini adalah dijalankan oleh Pakar-pakar Perikanan dan Pegawai-pegawai Perikanan yang berkenaan.

Saya di sini adalah merayu, pertama ialah peraturan-peraturan yang baru dikuatkuasakan ini yang ada berkaitan dengan kaum nelayan terdiri daripada beribu-ribu pukut tunda ini boleh ditangguhkan sementara waktu sebelum sesuatu penyelesaian boleh dicari. Kedua, saya adalah merayu bagi pihak kaum nelayan yang saya temui dalam satu majlis dialog di Sabak Bernam pada 25 November ini ialah selain daripada pukut-pukut tunda ini dilesenkan untuk menggunakan alat penangkapan ikan yang berkenaan, mereka bolehlah juga diizinkan menggunakan lain-lain jenis alat penangkapan ikan supaya sumber pendapatan mereka boleh ditambah. Pokok masalah yang mereka hadapi sekarang umpamanya, dalam lautan menangkap ikan bila ada didapati beberapa jenis ikan yang terkumpul tetapi jika sekiranya alat-alat penangkapan ikan ini tidak boleh dilesenkan atau diizinkan untuk digunakan, ini akan merugikan kepentingan kaum nelayan.

Saya adalah merayu Yang Berhormat Menteri Pertanian bolehlah mengadakan satu kajian yang lebih mendalam, jika boleh saya adalah menjemput Yang Berhormat Menteri Pertanian sendiri boleh pergi ke laut bersama-sama dengan perwakilan kaum nelayan untuk menyaksikan bagaimana masalah mereka hadapi hari ini kerana laporan-laporan yang disiapkan atau aduan-aduan yang diterima dari pihak-pihak yang tertentu tidak seharusnya digunakan sebagai asas untuk menderaf atau mengadakan satu peraturan baru sehingga kehidupan sosio-ekonomi beribu-ribu kaum nelayan terlibat dan terpengaruh. Di sini saya adalah meminta supaya Yang Berhormat Menteri Pertanian bolehlah mempertimbangkan secara seriusnya atas cadangan yang saya cadangkan dalam beberapa minggu yang lepas ketika membahaskan Kementerian Pertanian di peringkat Jawatankuasa supaya masalah ini boleh diperdengarkan, jangan berasaskan kepada aduan-aduan dari pihak-pihak yang tertentu sehingga masalah sebenarnya yang dihadapi oleh kaum nelayan dari pukut tunda ini telah diketepikan.

Sekarang mereka menghadapi satu masalah survival. Jika mereka meneruskan penangkapan ikan mereka seperti masa yang dahulu alat perkakas tangkapan ikan mereka, bot-bot mereka mungkin akan dirampas dan dihukum sehingga mereka tidak sanggup menahan untuk keluar ke laut lagi untuk mencari kehidupan mereka. Saya yakin Wakil Rakyat tempatan dari Sabak Bernam sendiri juga ada mendengar apa yang sudah diutarakan oleh kaum nelayan dan mereka sendiri juga menyaksikan dan membuktikan bahawa ini adalah benar.

Tuan Pengerusi, saya berharap dan saya adalah merayu bagi pihak mereka kerana saya adalah diminta dalam majlis dialog ini supaya masalah ini boleh dipertimbangkan semula. Saya tidak cuba menghalang Kerajaan atau Menteri Pertanian untuk menguatkuasakan peraturan-peraturan yang tertentu demi kepentingan kaum nelayan kerana saya dapati peraturan-peraturan yang tertentu ini sudah membawa lebih banyak masalah daripada sebelum peraturan-peraturan baru ini dikuatkuasakan. Saya fikir satu tindakan yang sewajarnya yang perlu diambil ialah

tangguhkan untuk sementara waktu penguatkuasaan peraturan-peraturan yang baru ini dan panggillah satu perhimpunan agung atau majlis dailog yang terdiri daripada perwakilan-perwakilan kaum-kaum nelayan dari pukut tunda seluruh Malaysia boleh tumpu di Kuala Lumpur. Saya bersedia atau saya akan menawarkan perkhidmatan saya untuk mengadakan perhimpunan ini supaya Yang Berhormat Menteri Pertanian boleh dijemput untuk berdialog supaya masalah kedua-dua pihak bolehlah diperdengarkan supaya satu penyelesaian yang lebih sempurna, yang lebih adil boleh diadakan. Jika tidak, saya merasa khawatir dari hasil majlis dialog ini mungkin satu consequence yang buruk akan berlaku jika sekiranya pihak Kementerian Pertanian masih terus menguatkuasakan undang-undang dan peraturan-peraturan yang baru ini kerana mereka sudah menghadapi ancaman survival hari ini. Bukan mereka hendak memprotes atau menentang Kerajaan dari segi undang-undang ini kerana tidak dapat survive berasaskan pada hasil penangkapan ikan mereka atau berasaskan pada hasil kajian yang sudah dijalankan oleh pakar-pakar dan pegawai-pegawai dari pihak-pihak yang berkuasa. Saya harap bila memorandum yang disiapkan oleh pegawai-pegawai dan pakar-pakar perikanan ini disampaikan kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian ini bolehlah dipertimbangkan.

Pada peringkat sekarang saya adalah merayu sekali lagi dari segi kemanusiaan atau dari segi kepentingan survival kaum nelayan, saya harap peraturan-peraturan perikanan baru ini bolehlah disuspend atau ditangguhkan untuk sementara waktu sebelum sesuatu penyelesaian yang lebih sempurna demi kepentingan kedua-dua pihak ini boleh dicari. Sekian.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian menjawab.

4.55 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad): Tuan Pengerusi, saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang

adalah menjemput Yang Berhormat Menteri membangkitkan sekejap tadi masalah-masalah yang berkaitan dengan bot-bot pukat tunda dan juga masalah-masalah pukat yang mana saiznya mulai peraturan baru ialah 1½ inci di bahagian kandul.

Tuan Pengerusi, apa yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri di dalam masa menggulung perbahasan Belanjawan, 1982 yang lalu sudah nyata dan jelas bahawa apa yang penting ialah sumber-sumber ikan. Tidak ada maknanya jikalau menambahkan bot-bot dan mengendurkan dari segi soal pukat yang mana pada satu masa unsur ataupun sumber perikanan ataupun sumber ikan kita akan merosot. Kita boleh menambah beberapa banyak bot yang kita mahu tetapi sebagaimana saya nyatakan tadi adakah ini akan memberi pertolongan kepada penangkap-penangkap ikan ataupun nelayan-nelayan. Apa hal kalau ikan yang kita cuba cari merosot. Itu soalnya.

Tuan Pengerusi, dari pandangan kami berhubung dengan saiz ataupun mata pukat tunda yang mana mengikut peraturan baru daripada 1 inci kepada 1½ inci, jikalau kita menjalankan pengajian kita secara cermat yang mana pihak Kementerian telah melaksanakannya kami dapati tidak berapa banyak bezanya di antara mata pukat tunda 1 inci dengan mata pukat tunda 1½ inci diri segi penghasilan penangkapan ikan kita.

Kami telah menerima laporan kajian yang telah dibuat oleh pihak tertentu dan apakala kami menyiasat dengan lebih lanjut kajian yang dibuat itu bukannya benar-benar mendalam, hanya satu jam, kalau tidak silap saya, digunakan untuk mencari perbezaan di antara pukat 1 inci dengan pukat 1½ inci dari segi penangkapan ikan dan pihak Kementerian melaksanakan tidak kurang daripada 8 jam. Jadi, jikalau kita hanya menmagkap ikan dengan menggunakan pukat 1 inci dan 1½ inci dalam masa satu jam, maka sudah tentu, oleh sebab pukat 1½ inci itu lebih besar matanya maka tidaklah kita dapat satu pendapatan yang lebih sebagaimana yang kita anggarakan. Tetapi jikalau kita melaksanakan dengan sepenuhnya, maknanya kita menjalankan kajian kita 8 jam atau 9 jam atau lebih daripada itu; kita akan dapati penghasilan yang lebih kerana di hujung pukat tunda kita

itu yakni di hujung bahagian kandulnya itu kadangkala sampah ada terlekat di situ, maka dapatlah kita menangkap ikan yang lebih. Jadi soalnya kalau kita menangkap hanya satu jam mungkin mata pukat di bahagian kandul itu luas dan ikan-ikan yang halus semua keluar dan ikan yang besar sedikit pun, keluar juga, tetapi jikalau kita menangkap dengan menggunakan masa yang lebih lama dengan sendirinya sampah-sampah akan terlekat di situ, maka ikan yang kecilpun terlekat juga dalam pukat kita itu. Ini perkara yang telah berlaku dan perkara yang telah kita laksanakan dengan cermatnya mengikut pandangan kita dan yang kedua.....

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Boleh saya minta penjelasan. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjelaskan bahawa dalam pengujian yang dijalankan oleh pegawai pegawai perikanan selama lapan jam bahawa hasil yang didapati dengan menggunakan net 1½ inci ialah lebih atau sebanyak dengan pukat yang menggunakan 1 inci. Yang saya hendak tanya ialah adakah apabila Jabatan berkenaan atau pegawai-pegawai berkenaan membuat ujian mereka ada wakil-wakil daripada nelayan-nelayan pukat tunda dalam bot-bot. Kalau itu benar dan khas ada wakil-wakil daripada pihak pukat tunda, mereka tengok itu benar, tentu mereka tidak ada tentangan dan saya rasa kalau itu benar masalah ini boleh diselesaikan dengan senang. Masalah itu ialah daripada pengalaman nelayan-nelayan pukat tunda tidak benar. Itu masalahnya.

Bolehkah pihak Kementerian berkenaan mengadakan satu test di mana ada wakil-wakil daripada Kerajaan dan wakil nelayan pukat tunda mengikut cara Kerajaan dan mengikut cara mereka, kemudian ditengok itulah satu test dimonitered, bukan satu pihak mendakwa dan lain pihak mendakwa tanpa keadilan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Pengerusi, kajian yang telah kita laksanakan itu, adalah dikendalikan di Pantai Remis dan sudah tentu ada perbezaan. Apa yang saya tegaskan tadi perbezaannya tidak begitu banyak.

Syor Ahli Yang Berhormat untuk dilaksanakan ujian yang akan datang ataupun

seterusnya, pihak Kementerian akan mengambil perhatian dalam masalah yang semacam ini.

Tuan Pengerusi, soal keduanya dari segi menggunakan pukot 1½ inci, kita juga telah membuat kajian iaitu apabila kita menangkap ikan di tempat yang dibenarkan bagi kita menangkap ikan iaitu 5 batu ke atas, maka kita akan dapat ikan yang lebih besar ataupun udang yang lebih besar. Jika kita mendapat udang yang lebih besar atau ikan yang lebih besar maka keuntungannya juga besar. Ini harus difikirkan oleh nelayan bersama-sama dan lagi suka saya bangkitkan di sini ialah kita juga terpaksa memikirkan soal nelayan tradisional. Mereka ini hanya bergantung semata-mata dengan penangkapan ikan di kawasan 5 batu ke pantai. Jadi jika kita membenarkan nelayan-nelayan menggunakan pukot tanpa mengikut peraturan yang tertentu mungkin—ini yang kita takuti—mungkin, ikan-ikan kecil akan tertangkap sama dan jika ikan-ikan kecil tertangkap, TRASH Fish tertangkap sama, maka dengan sendirinya sumber ikan kita akan merosot dan meleset. Inilah yang kita bimbangkan. Jadi itulah sahaja jawapan saya, Tuan Pengerusi. Oleh sebab satu sahaja yang dipersoalkan.....

Tuan Chan Teck Chan: Untuk penjelasan. Dari kajian yang diadakan oleh pihak kami walaupun jaring bermata 1½ inci itu ikan kecil dan udang kecil melaluinya mereka tidak akan dapat hidup apabila melanggar jaring yang berkenaan. Adakah Yang Berhormat sedar keadaan itu dalam kajian yang dibuat?

Kedua, hasil pendapatan dari kedua-dua jenis jaring yang digunakan itu adalah sangat jauh perbezaannya sehingga ⅓ bezanya.

Ketiga, jika sekiranya pukot tunda itu diminta atau diperintah keluar, 5 batu dari pantai untuk menangkap ikan, adakah pihak Kementerian Pertanian akan mempertimbangkan bahawa lebih banyak lesen dikeluarkan untuk menggunakan alat penangkapan ikan yang lain supaya lain-lain jenis pukot boleh digunakan, kerana jaring jenis Apollo pun tidak boleh diizinkan untuk digunakan.

Keempat, adakah Kementerian Pertanian akan mencadangkan bahawa pukot-pukot tunda ini akan dipermodenkan dan bantuan teknikal dan kewangan boleh diberikan supaya mereka boleh menggunakan bot-bot yang lengkap dan sesuai untuk pergi ke laut 5 batu dari pantai, sekarang tak boleh pergi kerana alat pukot tidak begitu lengkap dan berbagai masalah sudah berlaku. Jangan mereka dihadkan.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, cukup!

Tuan Mohamed Kassim bin Ahmad: Tuan Pengerusi, sebenarnya kalau kita hendak membahaskan ataupun menegakkan benang basah dalam masalah ini memang susah. Kalau saya katakan begini—Ahli Yang Berhormat kata cara lain pula. Jadi pada kesimpulannya begini, iaitu sukalah saya nyatakan sekali lagi kepada Ahli Yang Berhormat yang mana kalau ikan-ikan kecil itu terlepas daripada mata pukot, mengikut kajian kami bukan semua mati, barangkali satu fraction sahaja yang mati dan oleh sebab itulah kita mengharapkan supaya mata pukot itu dibesarkan kepada saiz 1½ inci supaya ikan-ikan itu keluar dan apakala sudah besar boleh pula ditangkap oleh kita dengan menggunakan saiz pukot yang tertentu.

Tuan Pengerusi, itulah jawapan saya dan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana mengambil bahagian dan juga menunjukkan bukti yang mana Ahli Yang Berhormat itu memang serius dalam soal-soal perikanan khususnya, dan dalam soal sektor Kementerian Pertanian amnya.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$48,379,500 untuk Maksud B. 26 di bawah Kementerian Pertanian jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah di-setujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$48,379,500 untuk Maksud B. 26 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$90 yang disebutkan dalam Maksud P. 24 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 1980; dan perbelanjaan sebanyak \$7,500,000 yang disebutkan dalam Maksud P. 26 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1981, hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$90 untuk Maksud P. 24 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4) 1980; dan wang sebanyak \$7,500,000 untuk Maksud P. 26 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1981.

Maksud B. 27 (Jadual Kedua)—

Tuan Pengerusi: Maksud B. 27 sebanyak \$2,773,940 di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sekarang ini terbuka untuk dibahaskan.

Oleh kerana tidak ada perbincangan maka soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$2,773,940 untuk Maksud B. 27 di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$2,773,940 untuk Maksud B. 27 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Maksud P. 28 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1981)—

Tuan Pengerusi: Maksud P. 28 di bawah Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan sekarang terbuka untuk dibahas.

Oleh kerana tiada bahasan, maka soalnya ialah bahawa Perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan dalam Maksud P. 28 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1981 di bawah Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P. 28 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1981.

Maksud P. 28 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4), 1980)—

Tuan Pengerusi: Maksud P. 28 sebanyak \$10 di bawah Kementerian Pertahanan, sekarang terbuka untuk dibahas.

Oleh kerana tiada perbincangan, maka soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan dalam Maksud P. 28 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 1980, di bawah Kementerian Pertahanan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P. 28 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4) 1980.

Maksud P. 29 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4), 1980)

Tuan Pengerusi: Maksud P. 29 sebanyak \$50 di bawah Kementerian Pelajaran sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Oleh kerana tidak ada perbincangan maka soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$50 yang disebutkan dalam Maksud P. 29 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 1980 di bawah Kementerian Pelajaran hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$50 untuk Maksud P. 29 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4), 1980.

Maksud B. 30 (Jadual Pertama)—

Maksud P. 32 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1981)—

Tuan Pengerusi: Maksud B. 30 berjumlah \$2,825,191 dan Maksud Pembangunan P. 32 berjumlah \$13,175,000 di bawah Kementerian Luar Negeri sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Oleh kerana tidak ada perbincangan maka masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$2,825,191 untuk Maksud B. 30 di bawah Kementerian Luar Negeri jadi sebahagian daripada Jadual Pertama hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$2,825,191 untuk Maksud B. 30 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$13,175,000 yang disebutkan dalam Maksud P. 32 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1981 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$13,175,000 untuk Maksud P. 32 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1981.

Maksud B. 33 (Jadual Pertama)

Maksud B. 33, B. 34 dan B. 35 (Jadual Kedua)—

Maksud P. 33 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1981)—

Tuan Pengerusi: Maksud Bekalan 33 berjumlah \$1,800,000,000 di bawah Anggaran (Tambahan) (Keempat) Belanja Mengurus tahun 1980 dan juga Maksud B. 33 sebanyak \$18,908,300, B. 34 sebanyak \$211,183,000 dan Maksud B. 35 sebanyak \$146,000,000 dan Maksud Pembangunan 33 sebanyak \$1,223,294,271 di bawah Kementerian Kewangan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat dari Petaling.

5.15 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Petaling): Tuan Pengerusi, menyebut Anggaran Pembangunan tahun 1981 (Tambahan) (Kedua), Maksud 33 Butiran 17—Pembayaran khas kepada kontraktor-kontraktor kerana kenaikan harga sebanyak \$95 juta.

Tuan Pengerusi: Muka berapa Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Mukasurat 6, Kertas Perintah 34/1981.

Tuan Pengerusi: Baik, teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya minta satu penjelasan mengenai permintaan ini oleh kerana melalui suratkhbar-suratkhbar yang saya ada baca mengenai perkara ini di mana pengumuman ada dibuat bahawa pembayaran khas akan dibuat untuk compensate kontraktor-kontraktor yang menghadapi kesusahan-kesusahan oleh kerana kenaikan harga, tetapi dalam berita-berita semua pengumuman ini adalah mengenai kontraktor-kontraktor bumiputra dan bukan kontraktor-kontraktor yang ada pada amnya. Saya tidak tahu, sebab itu saya mahu tanya satu penjelasan oleh kerana pengumuman ada dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan ada pernah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kerja Raya bahawa ada peruntukan untuk compensate kontraktor-kontraktor bumiputra oleh kerana kenaikan harga.

Saya mahu tanya sama ada benar; kalau ini benar, saya rasa sangat tidak adil oleh kerana kenaikan harga adalah satu masalah yang dihadapi oleh semua kontraktor baikpun kontraktor-kontraktor bumiputra atau kontraktor-kontraktor bukan bumiputra dan saya harap nanti bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh membuat satu penjelasan.

Yang kedua ialah mengenai pembelian tanah di mana ada peruntukan \$8.6 juta. Di sini usaha pihak Kerajaan untuk membeli dan acquire tanah telah menimbulkan berbagai-

bagai masalah kepada rakyat. Kalaulah tanah yang di acquire itu untuk tujuan pembangunan, tidak sesiapa yang patut membantah selain daripada sama ada kadar gantirugi adil atau tidak, tetapi perkara ini selalu berlaku di seluruh negara baikpun untuk kemajuan, untuk pembangunan Persekutuan atau lain-lain di mana ada tanah-tanah pihak swasta diacquire di mana notis di bawah Land Acquisition Act ada diberi, tetapi untuk satu masa yang sangat panjang, tidak ada tindakan yang diambil untuk menguruskan acquisition tanah itu.

Ada satu contoh baru-baru ini di Balik Pulau, Pulau Pinang di mana notis untuk acquire ada diberi di tahun 1971 atau 1972 dan langkah untuk acquire baru ada diambil dalam tahun 1979 atau tahun 1980 dan mereka yang terlibat ialah pekebun-pekebun kecil yang menanam nutmeg dan cloves dan mereka semua adalah kelompok-kelompok yang kecil yang ada tiga ekar, lima ekar dan saya rasalah sekarang oleh kerana langkah untuk acquire diambil selepas 7 tahun atau 8 tahun harga yang ditetapkan ialah berasaskan masa notis yang diberi pada tahun 1972. Ini bererti bahawa untuk selama 8 tahun atau 9 tahun mereka yang terlibat tidak boleh menjualkan tanah mereka dalam pasaran oleh kerana orang ramai tahu bahawa di bawah notis acquisition tidak ada harga dan untuk 8 tahun atau 9 tahun barulah langkah untuk acquire diambil dan saya rasa ini satu tindakan yang sangat tidak adil.

Saya harap bahawa pihak Perbendaharaan boleh kaji masalah ini supaya tidak berlaku perkara semacam ini dan kalau boleh membuat satu peraturan di mana notis untuk acquire, kalau dalam 2½ tahun tidak diikuti dengan tindakan untuk acquire dan pembayaran ganti-rugi, bahawa notis pertama itu tidak sah lagi, dengan secara automatik cancelled, supaya janganlah membebankan rakyat dengan masalah sebenarnya yang berpunca daripada ketidak-cekapan pentadbiran dan di bawah satu pimpinan 2-M yang melaung-laungkan satu Kerajaan yang BCL (Bersih, Cekap dan Licin), saya rasa perkara semacam ini patut dapat dikaji.

Dalam perkara Balik Pulau ini di mana mereka yang ada menanam cloves dan nutmeg

selepas tindakan diambil untuk acquire, mereka dicegah daripada mendapat buah-buahan dalam smallholding mereka dan atas sebab bahawa sekarang pihak Kerajaan sudah acquire sungguhpun masalah ganti-rugi belum diselesaikan, ini adalah tanah Kerajaan. Mungkin daripada segi undang-undang itu adalah benar tetapi masalahnya ialah untuk mengutip buah-buahan. Pada tahun yang pertama (tahun 1980) mereka sendiri boleh meminta kebenaran daripada pihak Kerajaan untuk mengumpulkan buah-buahan itu yang mana sejak beberapa generasi mereka sudah tanam dan jual dengan pembayaran satu fee kepada pihak Kerajaan. Ini tidak sesiapa yang ada komplek tetapi apa yang berlaku di tahun kedua (tahun ini) ialah bahawa mereka langsung tidak dibenarkan untuk mendapatkan hak mengutip buah-buahan sungguhpun dengan pembayaran satu fee tetapi hak itu diberi kepada orang yang langsung tidak ada perhubungan dengan kawasan itu, dengan satu premium yang sangat rendah.

Saya rasa ini satu ketidak adilan yang sangat besar di sini di mana ada beratus orang yang kehidupan mereka bergantung atas buah-buahan atau smallholding itu di mana mereka akan menghadapi satu masalah yang besar apabila buah-buahan mereka dan lain-lain diacquire oleh pihak Kerajaan dan semasa pihak Kerajaan belum mahu menggunakan tanah tentulah secara humanitarian, secara sosial, secara moral patut memberi mereka keutamaan dengan satu fee, bukan percuma untuk kutip buah-buahan. Saya harap perkara ini boleh dapat perhatian pihak yang berkenaan supaya dalam cara menjalankan tugas-tugas Kerajaan, pihak-pihak pentadbiran pun boleh menjalankan tugas mereka dengan sikap penuh perasaan tanggungjawab sosial.

Lagi satu perkara ialah dalam Kertas Perintah 30, Maksud B. 33, Butiran 2700—Pengurusan Belanjawan—(2) (a) (i) Pemeriksaan Belanjawan/Perhubungan Negeri/Analisa Perbelanjaan, dan Maksud B. 34, Butiran 3400—Pinjaman kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan juga peruntukan kepada Kumpulanwang Pembangunan.

Tuan Pengerusi, Kerajaan-kerajaan Negeri selalu menghadapi masalah bukan sahaja deficit dalam budget mereka tetapi pun di mana short-fall atau kekurangan besar daripada kebolehan kita untuk belanja wang yang ada diluluskan khasnya dalam peruntukan pembangunan. Dalam perbincangan untuk Kumpulanwang Pendahuluan Negeri-negeri, kita pun ada bincang masalah ini tetapi saya rasa di sini program mengenai Pemeriksaan Belanjawan/Perhubungan Negeri/Analisa Perbelanjaan, patutlah memberi bantuan kepada negeri-negeri atau Perbendaharaan-perbendaharaan Negeri supaya mereka boleh mengadakan budget-budget yang boleh dilaksanakan.

Satu contoh lagi ialah di Pulau Pinang, baikpun untuk pembangunan atau projek-projek perumahan yang ada dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri dan ada diluluskan tetapi selalunya tidak dibelanjakan atau tidak disempurnakan. Mungkin peratus pencapaian dalam belanjawan itu ialah 30% atau 40% dan sebab yang diberi oleh pihak Kerajaan Pulau Pinang atau lain-lain Kerajaan dalam keadaan itu ialah bahawa mereka tidak menerima wang daripada Kerajaan Persekutuan, bahawa Federal Government adalah menahan wang itu.

Kalau ini benar, saya rasa ini sangat tidak berpatutan dan oleh kerana tentulah sebelum sebuah Kerajaan Negeri membentangkan budgetnya untuk diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri, dia sudah dapat persetujuan daripada pihak Kerajaan Persekutuan atau daripada pihak Perbendaharaan bahawa berapa banyak untuk tahun itu pihak Perbendaharaan Persekutuan akan beri kepada Kerajaan Negeri. Kalau tidak, tentulah itu bukan satu budget, itu satu exercise tidak mengerti sahaja. Tentu ada budget daripada hasil mana, daripada pinjaman atau daripada grant dan lain-lain. Tetapi kalau berlaku di mana selepas budget diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri, Kerajaan Negeri mahu wang itu tetapi Federal Government hold the funds yang mana telah disetujukan di masa dahulu, saya rasa ini tidak patut. Mungkin masalah yang dihadapi bukan itu, tetapi kalau begitu saya rasa Yang Berhormat Timbalan

Menteri patutlah memberi satu gambaran yang benar, dan berkaitan dengan pinjaman kepada Kerajaan-kerajaan Negeri tentulah untuk berbagai-bagai sebab seperti perumahan atau lain-lain.

Saya rasa pihak Perbendaharaan, bagi pihak Kerajaan Persekutuan, ada tanggungjawab untuk memastikan bahawa apabila pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan digunakan bahawa maksud-maksud dan tujuan-tujuan tidak bercanggah dengan dasar-dasar khasnya Dasar Ekonomi Baru untuk menyusun semula masyarakat, untuk menghapuskan identifikasi baikpun vocation atau location antara kaum. Di sini ada perkara-perkara di mana Kerajaan-kerajaan Negeri ada membelanjakan peruntukan-peruntukan daripada pinjaman-pinjaman Federal di mana boleh dikatakan program-program mereka bertentangan dengan tujuan-tujuan semacam ini.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Satu contoh ialah berlaku mengenai rancangan rumah pangsa di Sungai Abong di Muar di mana semua penghuni-penghuni daripada satu kaum sahaja. Saya rasa ini bertentangan dengan dasar Kerajaan dan Dasar Ekonomi Baru di mana tidak ada kawasan-kawasan di mana 100% satu kaum sahaja. Saya harap bahawa satu Unit diadakan untuk menentukan semua projek-projek daripada pinjaman Federal tidak terkeluar daripada dasar-dasar tersebut.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang dan selepas itu Timbalan Menteri menjawab.

5.30 ptg.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Kewangan 1981. Walaupun Rang Undang-undang Kewangan 1981 yang baru sahaja dibentangkan khusus untuk beberapa perkara yang menarik minat saya, suka saya menyentuh tentang satu dua perkara.

Sebagaimana kita ketahui umum ringgit Malaysia telah mengalir keluar dengan banyaknya melalui dua sektor utama ialah sektor insurance dan sektor perkapalan.

Tuan Pengerusi, saya juga sedar bahawa keadaan ini telah timbul akibat daripada sebab-sebab kekurangan perkhidmatan insuran dan perkapalan di dalam beberapa bidang khusus. Dalam bidang insuran misalnya masih lagi terdapat kekurangan kemahiran di antara syarikat-syarikat insuran tempatan. Berkaitan dengan bidang insuran semula (reinsurance) sungguhpun pihak Kerajaan telah memulakan sebuah syarikat insuran khas untuk menerima portfolio reinsurance iaitu Syarikat M.N.R.B., saya percaya Syarikat M.N.R.B., hanya dapat menguruskan satu peratusan yang kecil sahaja daripada jumlah perniagaan reinsurance di dalam negara kita. Dalam konteks ini saya suka mengambil kesempatan di sini untuk menyeru pihak Kerajaan supaya mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan lagi mutu profesionalisma di dalam bidang insurance khusus berkaitan sektor reinsurance tadi.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang saya suka menyentuh adalah perniagaan insuran yang boleh diperolehi daripada sektor perdagangan di dalam negara kita. Pada kebiasaannya pengimport-pengimport di dalam negara mendapat perlindungan insuran untuk pengimportan mereka daripada negara penjual barangan tersebut. Ini adalah kerana pengeksportan negara yang berkenaan sentiasa memberi sebut harga atas penjualan mereka termasuk sektor pengangkutan dan insuran. Dengan yang demikian ini juga merupakan satu bidang di mana perniagaan insuran boleh diurusniagakan oleh insuran-insuran tempatan telah mengalir ke luar ke sektor-sektor insuran di luar negeri.

Saya suka mengambil kesempatan di sini untuk menyeru kepada Kerajaan supaya mengenakan undang-undang ke atas mereka supaya segala perlindungan insuran atas pengimportan mereka diperolehi daripada syarikat-syarikat insuran tempatan. Dengan yang demikian kita akan dapat mengumpul jumlah perniagaan syarikat-syarikat insuran tempatan dan melaluinya

dapat menggalakkan perkembangan industri keseluruhannya. Sekianlah sahaja pandangan saya berkenaan dengan Rang Undang-undang Kewangan 1981 dan saya berharap mendapat perhatian.

5.34 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Petaling dan Batang Padang yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dalam Jawatankuasa mengenai peruntukan tambahan yang dikehendaki oleh Kementerian Kewangan.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling telah membangkitkan beberapa perkara dan beliau telah cuba hendak menimbulkan isu tetapi malangnya kali ini tembakannya tidak begitu tepat pada sasarannya. Yang pertama berhubung dengan bayaran khas kepada kontraktor-kontraktor kerana kenaikan harga iaitu satu dasar yang telah diumumkan baru-baru ini untuk memberi pampasan kepada kontraktor-kontraktor yang benar-benar telah mengalami kerugian disebabkan kenaikan harga bahan-bahan binaan di antara tahun 1977-1979.

Tuan Pengerusi, peruntukan sebanyak \$95 juta adalah dipohon bagi tujuan tersebut dan bagi pembayarannya tidaklah benar anggapan daripada Ahli Yang Berhormat itu bahawa pembayaran ini terhad kepada kontraktor-kontraktor bumiputra sahaja. Sebenarnya semua kontraktor akan mendapat bayaran pampasan ini asalkan mereka memenuhi syarat-syarat yang ditentukan oleh pihak Perbendaharaan. Sukacitalah saya maklumkan bahawa peruntukan ini telah pun disalurkan kepada agensi-agensi dan jabatan-jabatan Kerajaan untuk membuat pembayarannya berdasarkan kepada garis panduan dan formula yang ditentukan oleh pihak Perbendaharaan.

Tuan Pengerusi, yang kedua berkenaan dengan tanah swasta yang diambil oleh pihak Kerajaan, Ahli Yang Berhormat patut sedia maklum bahawa tanggungjawab untuk menguruskan soal pengambilan tanah ini bukanlah di bawah Kementerian Kewangan.

Sebenarnya Kementerian Kewangan hanya bertanggungjawab untuk membuat penilaian bagi pihak Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan. Secara spesifik saya tidak tahu berhubung dengan kes di Balik Pulau yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling tetapi mengikut pengalaman kita, kelewatan di dalam soal menguruskan pengambilan tanah ialah kerana tuan tanah itu membuat protes kepada Mahkamah mengenai hasrat Kerajaan untuk mengambil alih tanahnya. Bila tuan punya tanah itu membuat protes maka kes itu terpaksa didengar di dalam Mahkamah dan mungkin oleh sebab perkara ini dibawa ke Mahkamah maka kelambatan akan berlaku di atas perkara pengambiln tanah tersebut.

Yang lebih baik lagi kalau sekiranya Kerajaan ada cadangan untuk mengambil alih sebidang tanah maka tuan punya tanah seharusnya memberi persetujuan dan selepas itu pampasan itu dirunding dan jika sekiranya pampasan itu difikir tidak munasabah atau tidak berpatutan maka boleh dibawa ke pihak Mahkamah untuk menentukan nilai yang lebih wajar lagi. Perkara ini seharusnya dirujuk kepada pihak pentadbiran Negeri dan apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu pun nampaknya ada contradiction kerana pada mulanya dia kata tanah itu belum lagi diacquire oleh Kerajaan dan lepas itu pula dia kata sudah diacquire oleh Kerajaan. Mana satu yang benar saya pun tidak tahu.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan shortfall yang dialami oleh Kerajaan Negeri, saya suka menjelaskan keadaan ini tidak benar sepertimana apa yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling bahawa Kerajaan menahan peruntukan yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan Negeri. Kerajaan Persekutuan memang sentiasa bersimpati dengan keperluan Kerajaan-kerajaan Negeri dan berbagai-bagai bantuan telah dan akan diberi oleh Kerajaan Persekutuan supaya Kerajaan-kerajaan Negeri dapat menjalankan projek-projek pembangunan untuk faedah rakyat dengan sempurna.

Apa yang berlaku pada kelazimannya, Tuan Pengerusi, ialah walaupun tidak ada

peruntukan dari segi hasil Kerajaan Negeri tetapi Kerajaan Negeri meluluskan budgetnya walaupun tidak ada duit, dengan tujuan bahawa kalau tidak ada duit pun dia akan memohon kepada Kerajaan Persekutuan untuk memberi bantuan. Jadi, cara membuat budgeting ini berasaskan kepada deficit budgeting yang mana dari awal lagi mereka sudah tahu tidak ada peruntukan dari segi punca negeri tetapi projek itu dimasukkan juga dalam Anggaran Belanjawan bagi negeri tersebut maka sudah tentulah apabila mereka memohon kepada Kerajaan Persekutuan ada di antara projek-projek itu tidak dapat persetujuan ataupun mungkin terpaksa ditimbang dan dihalusi oleh Kerajaan Persekutuan. Inilah punca kelambatan, yang mengakibatkan salah satu fakta yang mengakibatkan shortfall dalam perbelanjaan Kerajaan-kerajaan Negeri bukan kerana Federal Government menahan peruntukan yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan Negeri, tetapi yang sebenarnya tidak ada peruntukan daripada awal lagi untuk projek-projek tersebut dan Kerajaan Negeri mengharapkan satu bantuan daripada Kerajaan Pusat. Itulah sebabnya kelambatan ini berlaku.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan perumahan yang dikatakan diberi kepada satu kaum sahaja, memanglah tidak menjadi dasar Kerajaan untuk memberi perumahan kepada satu kaum sahaja tetapi kalau perumahan itu dilakukan di atas tanah rizab Melayu maka sudah pastilah peruntukan untuk sesebuah projek itu dikhaskan untuk bumiputra sahaja.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang telah menyentuh mengenai perkara yang begitu teknikal iaitu berhubung dengan aliran kewangan negara kita daripada perniagaan insuran dan perkapalan. Saya percaya Ahli Yang Berhormat dapat information yang agak baik mengenai perkara-perkara tersebut.

Walau bagaimanapun, sukalah saya menyatakan bahawa aliran kewangan dalam bentuk invisible earnings ini yang mengalir keluar daripada negara kita melalui urusan perniagaan insuran dan perkapalan memang menjadi perhatian Kerajaan kerana kita nampak bahawa masalah kelemahan balance

of payment ataupun aliran kewangan pada masa ini bukan sahaja berpunca dari kemelesetan ekonomi dunia tetapi oleh kerana satu jumlah yang besar daripada segi perbelanjaan pembayaran insuran dan perkapalan yang menjadi lebih besar dari setahun ke setahun mengalir keluar daripada negara kita.

Pada masa ini Kerajaan telah menubuhkan satu invisible committee yang sedang mengkaji apa yang boleh dibuat oleh Kerajaan tetapi malangnya tindakan kita merupakan tindakan jangka panjang dan perkara ini tidak boleh kita selesaikan dalam masa satu ataupun dua tahun. Tindakan-tindakan akan terus diambil seperti untuk menyusun semula syarikat-syarikat insuran di dalam negara kita supaya mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh Dasar Ekonomi Baru merupakan satu langkah yang boleh membantu kita menahan aliran kewangan daripada negara kita.

Dalam soal re-insurance ini, ini merupakan satu perkara yang harus diteliti daripada banyak aspek dan sudut, bukan sahaja kita mahu menerima perniagaan re-insurance tetapi re-insurance itu harus dihitung dari segi kemampuan kita untuk memikul risiko itu.

Tuan Pengerusi, kepakaran kita masih kurang dalam bidang ini dan perkembangannya hanya dapat kita buat agaknya dalam jangka panjang sahaja.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan urusan tempatan memberi keutamaan kepada syarikat-syarikat insuran tempatan, ini juga bergantung kepada premium yang dapat ditawarkan oleh syarikat-syarikat tempatan dan saya percaya kalau premium yang ditawarkan itu agaknya attractive maka tidak ada sebabnya mengapa syarikat-syarikat tempatan di dalam negara kita hendak memberi perniagaan ini kepada syarikat di luar negara kita. Walau bagaimanapun, keupayaan syarikat-syarikat kita sendiri harus diperhitungkan daripada banyak segi sebelum boleh kita membuat satu langkah yang agaknya drastic seperti membuat satu undang-undang untuk memaksa peniaga-peniaga memberi perniagaan ini kepada peniaga-peniaga tempatan sahaja.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$1,800,000,000 untuk maksud B. 33 jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan wang sejumlah \$18,908,300 untuk Maksud B. 33; \$211,183,000 untuk Maksud B. 34 dan \$146,000,000 untuk Maksud B. 35 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua, hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,800,000,000 untuk Maksud B. 33 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama, dan wang sebanyak \$18,908,300 untuk Maksud B. 33; \$211,183,000 untuk Maksud B. 34 dan \$146,000,000 untuk Maksud B. 35 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$1,223,294,271 yang disebutkan dalam Maksud P. 33 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1981 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,223,294,271 untuk Maksud P. 33 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1981.

Maksud B. 38 (Jadual Kedua)—

Maksud P. 36 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4) 1980—

Maksud P. 38 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1981)

Tuan Pengerusi: Sekarang Maksud B. 38 bagi Belanja Mengurus Tambahan Pertama tahun 1981, P. 36 iaitu bagi Pembangunan Tambahan Keempat tahun 1980 dan P. 38 Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua tahun 1981 di bawah Kementerian Perusahaan Awam sekarang terbuka untuk perbincangan. Tidak ada bahasan, saya kemuka untuk diputuskan bahawa sejumlah \$108,741,500

untuk Maksud B. 38 di bawah Kementerian Perusahaan Awam jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$108,741,500 untuk Maksud B. 38 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan banyak \$1,381,275 yang disebutkan dalam Maksud P. 36 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 1980; dan perbelanjaan sebanyak \$96,314,000 yang disebutkan dalam Maksud P. 38 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1981, hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,381,275 untuk Maksud P. 36 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4), 1980; dan wang sebanyak \$96,314,000 untuk Maksud P. 38 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan.) (Bil. 2), 1981.

Maksud B. 37 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4) 1980—

Tuan Pengerusi: Sekarang P. 37, hanya tanda sahaja iaitu \$10 sekarang terbuka untuk perbincangan. Kalau ada yang hendak bercakap hal \$10 ini. Kalau tidak ada, saya kemuka untuk diputuskan bahawa perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan dalam Maksud P. 37 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 1980 di bawah Kementerian Kesihatan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P. 37 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4), 1980.

Maksud B. 42 (Jadual Pertama)—

Maksud B. 40 dan B. 42 (Jadual Kedua)—

Maksud P. 39 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4), 1980—

Maksud P. 41 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1981)

Tuan Pengerusi: Sekarang Maksud B. 42 bagi Belanja Mengurus Tambahan Keempat dan juga Pembangunan iaitu Maksud P. 39 dan juga Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama 1981 B. 40 dan B.42 serta Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua 1981 Maksud P.41 di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri terbuka untuk perbincangan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

5.49 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur): Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh satu perkara sahaja di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri-negeri berkenaan dengan Polis Di Raja Malaysia.

Tuan Pengerusi: Maksud berapa Yang Berhormat?

Tuan Lee Lam Thye: Maksud P. 39 Anggaran Tambahan Keempat tahun 1980 di mana jumlah \$48,780,494 telah diperuntukkan untuk Anggaran Tambahan Keempat 1980.

Di sini suka saya mengambil kesempatan ini untuk membangkitkan satu perkara berkenaan dengan Balai-balai Polis dan Rumah-rumah Kediaman. Saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bahawa sungguhpun satu peruntukan yang berjumlah \$48.7 juta telah diperuntukkan untuk Balai-balai Polis dan Rumah-rumah Kediaman, akan tetapi nampak saya rumah-rumah anggota polis; apa yang saya sentuhkan ialah berkenaan dengan Police Constable yang masih menghadapi banyak masalah berkenaan dengan perumahan. Misalnya, di dalam kawasan saya di Kuala Lumpur Bandar, saya pernah menerima banyak aduan daripada Police Constable berkenaan dengan begitu rumit dan

susah bagi mereka untuk mendapat rumah (quarters). Apa yang saya difahamkan ialah mereka yang tidak ada peluang untuk mendiami quarters polis hanya diberi elaan perumahan sejumlah \$80.00 sahaja untuk sebulan dan tentulah dengan jumlah ini mereka yang ada keluarga yang besar menghadapi masalah untuk menyewa rumah-rumah untuk kediaman. Oleh yang demikian, saya suka menitikberatkan tentang begitu mustahak bahawa untuk pembangunan supaya lebih banyak peruntukan dapat diberikan untuk mendirikan rumah-rumah kediaman untuk Police Constable.

Di samping itu, saya suka juga menyentuh satu perkara lagi iaitu berkenaan dengan Balai-balai Polis. Di sini saya suka mencadangkan berkenaan dengan kaunter di Balai-balai Polis di mana anggota-anggota polis yang diberi tugas untuk menerima aduan-aduan daripada orang ramai apabila berlaku jenayah ataupun kemalangan. Saya minta supaya langkah-langkah yang wajar diambil untuk meningkatkan lagi tentang prestasi kaunter untuk menerima aduan-aduan daripada orang ramai. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Petaling.

5.54 ptg.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh Balai-balai Polis, Maksud P. 41.

Tuan Pengerusi, saya pernah mensifatkan keadaan yang dihadapi oleh orang ramai yang hendak pergi ke Balai-balai Polis untuk membuat laporan kepada polis terhadap polis yang ada membuat kesalahan semacam memukul orang ramai atau lain-lain mendapat layanan yang boleh dikatakan tidak baik dan mereka boleh rasa bahawa mereka masuk lion's den, Tuan Pengerusi, di mana mereka boleh dimakan oleh singa. Saya harap bahawa kalau pihak Kementerian mahu mengatakan satu sikap di mana orang ramai menerima polis sebagai polis mereka dan bukan sebagai satu pasukan asing daripada mereka, sesiapa yang pergi ke Balai Polis untuk membuat laporan, baik mengenai salahguna kuasa polis atau bukan mereka dilayani dengan sikap

yang baik. Ini telah berlaku, kalau tidak orang ramai tidak ada kepercayaan terhadap pihak polis.

Antara sebab itu, baharu-baharu ini saya ada membangkitkan tiga kes di mana ada berlaku police brutality, satu kes di Kota Bahru, satu kes di Petaling Jaya dan satu kes lagi di Tampin. Oleh kerana mereka tidak terus beri pihak polis membuat laporan kerana mereka percaya pihak polis tidak akan melayani dan ini hasil daripada pengalaman orang ramai. Kalau boleh saya di sini hendak membuat satu cadangan bahawa mengenai apa-apa tuduhan orang ramai terhadap pegawai-pegawai polis bahawa satu siasatan dibuat oleh satu badan bebas yang asing daripada pasukan polis. Sekarang siasatan dibuat oleh Bukit Aman, Ibu Pejabat Polis tetapi itu pun antara satu bahagian polis. Kalau boleh adakah satu bahagian yang terasing daripada polis di mana tidak ada berlaku fikiran mungkin ada percubaan untuk tutup perkara semacam ini. Saya rasa ini sangat mustahak untuk memenangi kepercayaan orang ramai oleh kerana kalau tidak usaha untuk menjaga law and order akan lebih susah. Sungguhpun begitu, saya mahu mengucapkan tahniah kepada polis oleh kerana sudah berjaya untuk menamatkan "Operasi Bogel".

Perkara yang kedua dan yang akhir ialah mengenai Jabatan Imigresen yang peruntukannya di bawah Maksud 42 ada beberapa permintaan, khususnya Kawalan Imigresen. Baharu-baharu ini Yang Amat Berhormat Menteri semasa membuat lawatan ke Sabah ada membuat pengumuman mengenai langkah-langkah untuk memudahkan dokumen-dokumen untuk perjalanan antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Ini satu langkah untuk memupuk satu perasaan nasional dari kalangan orang ramai rakyat Malaysia tidak kira apa-apa wilayah, tetapi saya rasa dan saya harap bahawa pihak Kementerian, khususnya Yang Amat Berhormat Menteri boleh mengambil perhatian mengenai perkara-perkara di mana tanpa sebab-sebab yang munasabah ahli-ahli politik, khususnya Ahli-ahli Parlimen yang dilarang masuk ke Sabah, termasuk saya dan rakan saya daripada Kuala Lumpur Bandar, atas tujuan politik untuk menyelamatkan masa depan Parti Berjaya sahaja.

Saya harap perkara ini boleh diambil perhatian di mana Yang Berhormat Menteri boleh menggunakan jasa baik untuk memupuk pihak Kerajaan Sabah, khasnya Ketua Menteri Sabah janganlah salahguna kuasa dalam hal Imigresen.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.58 ptg.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh Kementerian saya di dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar menyentuh mengenai soal Balai-balai Polis ataupun Tempat-tempat Kediaman yang disediakan untuk anggota polis kita. Saya suka menyatakan bahawa masalah pembangunan Balai-balai Polis ataupun Rumah-rumah Kediaman anggota-anggota polis kita ini adalah satu masalah yang sentiasa mendapat prioritas daripada Kementerian saya dan kita akan memastikan bahawa keutamaan yang secukupnya diberi kepada pelaksanaan yang lebih cepat, lebih licin bagi membolehkan seberapa banyak yang boleh anggota-anggota Polis Di Raja kita diberikan kemudahan-kemudahan perumahan.

Adalah diinsafi bahawa pada masa sekarang sebagaimana yang disebutkan sebelum daripada ini Pasukan Polis Di Raja Malaysia kita sedang mengalami pembesaran pasukan tenteranya ataupun pembesaran anggota-anggota pasukannya dan sudah pasti dalam proses pembesaran yang pesat ini kita tidak sepenuhnya untuk memenuhi keperluan-keperluan setiap anggota Polis Di Raja Malaysia kita.

Walau bagaimanapun, tindakan-tindakan lanjut akan diambil dengan kerjasama Jabatan-jabatan lain seperti JKR bagi memastikan jadual pelaksanaan di tempat-tempat kediaman bagi anggota Polis kita akan dapat dijalankan dengan lebih teratur dan lebih cepat lagi. Walau bagaimanapun, Kementerian saya juga dalam hubungannya

dengan pembinaan ini sedang menimbangkan beberapa kemudahan bagi mempercepatkan lagi pembinaan tempat-tempat kediaman ini seperti kita sedang menimbangkan kemungkinan-kemungkinan mempercepatkan pembinaan tempat-tempat kediaman ini dengan konsep "turnkey projects" yang akan dikaji dan kalau didapati feasible ataupun baik akan dilaksanakan oleh Bahagian Pelaksanaan Pembangunan di dalam Kementerian saya. Begitu juga kemungkinan membeli rumah-rumah yang tersedia juga akan ditimbangkan sebagai kemungkinan bagi menghadapi kekurangan dalam tempat-tempat kediaman bagi anggota Pasukan Polis Di Raja Malaysia kita.

Mengenai prestasi di kaunter Balai-balai Polis kita, saya suka memberi jaminan bahawa adalah menjadi hasrat Kementerian saya melalui Jabatan Polis ini memberikan perkhidmatan yang sebaik-baiknya kepada orang ramai, tidaklah sebagaimana yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi seolah-olah orang seperti beliau merasai masuk di dalam lion's cage apabila

Tuan Pengerusi: Ini bukan dari Kota Melaka, dari Petaling!

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Minta maaf, dari Petaling, saya tarik perhatian Tuan Pengerusi, merasai seolah-olah masuk dalam lion's cage.

Tuan Lim Kit Siang: (*Disampuk*)

Tuan Pengerusi: Bukan cage—den. Tak tahu mana yang teruk lagi.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Samalah juga, Tuan Pengerusi.

Jadi saya suka menyatakan di sini bahawa adalah menjadi hasrat kepimpinan Kerajaan yang ada sekarang bagi memastikan sebagaimana yang telah kita sebutkan pada masa yang lalu perkhidmatan Polis ini benar-benar akan merupakan perkhidmatan pelindung dan sahabat kepada rakyat. Kita tidak akan lari daripada prinsip ini dan cuma orang yang mempunyai prasangka terhadap Kerajaan dan perkhidmatan Polis sahaja yang

akan menganggap bahawa perkhidmatan yang diberi oleh pihak Polis ini seolah-olah adalah bertentangan dengan kehendak-kehendak rakyat daripada masa ke masa.

Saya suka menyatakan dalam usaha-usaha yang kita jalankan kita telahpun mengambil beberapa tindakan bagi memastikan bahawa konsep tadi, iaitu pasukan Polis dan perkhidmatannya adalah pelindung dan sahabat kepada rakyat pada masa dahulu dan pada masa yang akan datang supaya benar-benar di dalam pegangan kita terhadap konsep Rukun Negara kita, iaitu Keluhuran Undang-undang ini maka asas kekuatan kita terhadap perkara tersebut terletak di atas perkhidmatan Polis yang boleh diberikan kepada negara dan rakyat di dalam negeri ini.

Saya suka menasihatkan Yang Berhormat itu dan orang-orang yang serupa dengannya supaya menjauhkan prasangka sebagaimana yang telah dinyatakan tadi kerana prasangka-prasangka yang seperti inilah yang akan sentiasa menimbulkan rasa syak wasangka yang akan berakhir dengan mana-mana pihak tidak akan dapat memberikan perkhidmatan yang cemerlang kerana adanya prasangka atau salah faham yang sentiasa berada dalam hati masing-masing.

Tuan Pengerusi, mengenai cadangan supaya siasatan berasingan diadakan terhadap aduan-aduan yang dibuat oleh orang ramai mengenai setengah-setengah perkara yang kadang-kadang melibatkan anggota Polis di Raja Malaysia saya suka menekankan bahawa Kerajaan tidak bersetuju dengan cadangan yang telah diberikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling itu kerana kita mendapati bahawa setakat ini, pada masa ini dan pada masa yang akan datang bahawa apa yang kita telah lakukan ini adalah mencukupi untuk menampung sebarang keraguan yang mungkin timbul atau yang timbul daripada mana-mana pihak. Sistem perundangan, disiplin dan tatacara yang ada dalam sistem anggota Polis Di Raja Malaysia kita pada masa sekarang Kerajaan berpuas hati bahawa setiap tindakan, setiap aduan, setiap rasa tidak puas hati itu akan mendapat layanan yang sewajarnya dan kita mengambil tindakan-tindakan yang sewajar apabila kita dapati bahawa adanya

aduan-aduan yang boleh kita ketengahkan. Dengan ini saya sekali lagi menekankan bahawa Kerajaan mendapati cadangan itu tidak dapat dilaksanakan kerana kita mempunyai saluran-saluran ataupun sistem-sistem yang cukup bagi mengawasi sebarang keadaan sebagaimana yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$79,755 untuk Maksud B. 42 jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan wang sejumlah \$800,000 untuk Maksud B.40 dan \$1,314,300 untuk Maksud B.42 di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$79,755 untuk Maksud B. 42 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan wang sebanyak \$800,000 untuk Maksud B. 40 dan \$1,314,300 untuk Maksud B. 42 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$48,780,494 yang disebutkan dalam Maksud P. 39 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 1980; dan perbelanjaan sebanyak \$6,220,000 yang disebutkan dalam Maksud P. 41 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1981. hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$48,780,494 untuk Maksud P. 39 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 4), 1980; dan wang sebanyak \$6,220,000 untuk maksud P. 41 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1981.

Maksud B. 47 (Jadual Kedua)—

Maksud P. 47 (Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 4), 1980)—

Tuan Pengerusi: Majlis sekarang menimbangkan Belanja Mengurus Maksud B. 47 Anggaran Belanja Mengurus (Tambahan) (Pertama), 1981 dan juga P. 47 bagi (Tambahan) (Keempat), di bawah Kementerian Penerangan sekarang terbuka untuk perbahasan. Ahli Yang Berhormat dari Kangar.

6.08 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, di samping saya menyokong peruntukan yang telah diminta, saya amatlah berharap Kementerian Penerangan sebagaimana dikatakan di sini tambahan untuk memproses filem warna dan menjadi agen kepada iklan-iklan.

Tuan Pengerusi, saya berharap iklan-iklan yang ada dalam TV sekarang sebagaimana selalu dicakap oleh kawan-kawan saya yang lain, walaupun kita akan mendapat wang daripada iklan-iklan tetapi sebagaimana dikatakan di sini kita juga terpaksa mengeluarkan wang. Sebab itulah kalau tak silap saya dikatakan di sini memberi kepada agen cari iklan. Saya berharap iklan-iklan yang disiarkan di TV itu biarlah satu perkara yang jangan bertentangan dengan segenap segi. Makna saya kata jangan bertentangan dengan segenap segi, di segi keselamatan dan juga di segi kesihatan. Kalaulah satu-satu iklan itu yang kita percaya dengan iklan itu akan membawakan banyak orang suka menembak dan sebagainya, suka menggunakan senjata, kalaulah ada iklan-iklan yang berkenaan patut kita haramkan terus walaupun kita hendak cari wang, tetapi di segi keselamatan amat perlu, begitu juga di segi kesihatan.

Katakanlah, hari ini di tiap-tiap rokok itu selalu ditulis, "Jangan merokok, merokok itu bahaya", itu diiklankan oleh Kerajaan dan diakui oleh Kerajaan dan diakui oleh pakar kesihatan tetapi dalam TV sebagaimana dikatakan oleh kawan saya, baikpun rokok tempatan, Benson and Hedges, Kent dan sebagainya, kedua-dua ini berlawanan. Kalaulah kita tengok di sini seolah-olah Kerajaan kita ini tak tahu yang mana yang hendak dipegang, dalam TV dia khabar yang ini bahaya, yang ini juga baik, suruh buat.

Jadi saya berharaplah patut kita buat kajian dengan teliti. Begitulah juga iklan yang agak menjolok mata, kadang-kadang begitu lucu sangat agak saya yang keterlaluan, patutlah dikaji dari satu masa ke masa. Walaupun kita hendak iklan kerana hendakkan wang tetapi sebagaimana saya kata tadi segi keselamatan dan keamanan dititikberatkan dahulu walaupun benda itu akan mendapat wang dan sebagainya kalaulah di samping itu akan membawa bahaya janganlah benda itu disiarkan.

Tuan Pengerusi, di samping itu juga saya berharap sebaran am, hari ini yang kita tahu ada dalam Peristiwa, Warta Berita dan sebagainya tetapi rancangan-rancangan lain, saya berharap seperti yang selalu dikeluarkan biarlah lengkap sedikit sebagaimana sistem metrik yang akan dijalankan pada tahun 1982. Kalau boleh biarlah iklan-iklan yang begini kita adakan selalu dan kalau boleh kita senaraikan biar satu persatu, biar benda itu lengkap. Itu saya berharap kalau boleh dapatlah segala rancangan yang kita akan buat, segala rancangan yang kita akan laksanakan ataupun segala perkara-perkara yang baru yang akan kita laksanakan macam saya contohkan sistem metrik tadi patutlah diadakan selalu supaya rakyat dapat faham. Begitu juga rancangan-rancangan lain.

Tuan Pengerusi, berbalik juga kepada siaran TV warna sebagaimana dikatakan di sini saya percaya pada tahun yang akan datang biasa dijawab oleh Menteri kita akan lengkap, tidak lagi menyewa daripada luar negeri. Dalam pada itu juga saya berharap segala rancangan dalam TV akan disiarkan cara warna tetapi yang menakjubkan saya kadang-kadang misalan siaran TV hari ini ada yang saya tahu dirakamkan boleh dikatakan cara semasa, bukan sahaja dirakamkan semasa tetapi ditayangkan cara warna seperti bolasepak kadang-kadang dan ada beberapa lagi yang saya tidak ingat.

Misalnya saya contohkan satu yang saya hairan tentang rakaman dalam soal ugama. Dalam segi Azan boleh dikatakan selalu ditayangkan cara warna tetapi di segi—saya lupa hendak sebut, siaran agama hari Khamis malam Jumaat, itu Sinar Islam; ini yang tiap-tiap malam, Tuan Pengerusi, saya minta

maaf—terlupa, walaupun boleh dikatakan selalu saya ikuti.

Dato' Embong bin Haji Yahya: Bimbangan Agama.

Tuan Shaari bin Jusoh: Bimbangan Agama. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Jadi Bimbangan Agama ini tidak ditayangkan dengan warna.

Tuan Pengerusi, walaupun isinya itu dia tidak kira sangat, baik atau tidak baik pandangan umum tetapi walau bagaimanapun ini menjadi satu tarikan kepada manusia. Kalau di segi lain semua warna tetapi di segi Bimbingan Agama ini tidak warna, saya berharap dapatlah Kerajaan mengadakan rancangan ini juga cara berwarna macammana saya katakan tadi.

Yang akhirnya, Tuan Pengerusi, saya berharap filem-filem kita hari ini boleh dikatakan banyak sangat filem-filem daripada negara asing, tidak tahulah saya barangkali kita kurang filem ataupun filem daripada luar negeri itu murah dan sebagainya. Tetapi saya berharap kepada Kementerian ini berikhtiar, kalaulah kita dapat membelanjakan walaupun benda itu kita belum lulus tetapi kita fikir mustahak kita belanja; tetapi pada pendapat saya manusia ini termasuk saya sendiri apatah lagi di masa lapang kita ingin sangat menonton filem, apatah lagi filem yang tidak kena bayar, macam TV yang kita beli tentulah hendak tengok tiap-tiap malam tetapi malangnya bila kita alih Siaran Pertama selain daripada masa yang ditentukan, macam semalam kita kata Drama, begitu juga di malam-malam yang lain adalah lebih kurang tidak lebih daripada 45 minit agak saya tiap-tiap malam yang cara Bahasa Kebangsaan dan selain daripada itu kita alih ke Siaran Kedua, kita bertemu dengan siaran Inggeris, siaran pertama pun macam mana saya katakan tadi. Yang menggelikan hati kadang-kadang kita tidak tahu ketawa tengok filem itu, semuanya lawak jenaka yang kadang-kadang tidak ada tempat yang menarik langsung. Tidak tahulah orang lain. Saya percaya banyak yang macam ini. Jadi, saya merayu dan berharap kepada Kementerian yang berkenaan banyakanlah

filem-filem tempatan dan bairlah pada matlamat dan dasar kita filem yang kita hendak cari itu walaupun belanja itu banyak sedikit untuk matlamat kita menarik satu-satu masyarakat kita kepada perpaduan, kepada kerajinan, kepada bersatupadu dan sebagainya. Ini saya harap sangat-sangat, jangan kita tengok filem itu syok sebentar, lepas itu tidak ada gambar, kalau boleh biar kita tunjukkan satu filem, kita karangkan satu filem di sebalik itu ada matlamat kita. Itu saya harap diikhtiarkan oleh rancangan Kementerian. Kalaulah kita boleh membuat hadiah kepada pertandingan syarahan dan berbagai-bagai rancangan lagi, saya berharap kalau satu-satu benda itu menjadi perhatian dan kebaikan, macam lagu itu kita buat kerana hendak seronok, agak saya kalau kita buat hadiah seronok ini memang seronok sangat, yang susahnyanya kita hendak tarik kepada kebaikan moral dan sebagainya. Kalau setakat hendak seronok agak saya kita tidak buat cara hadiah, usah ingat cara hendak seronok tetapi kalau boleh kita cari cara filem yang saya katakan tadi.

Buat kali akhirnya saya kata.

Tuan Pengerusi: Ini akhir yang ke berapa?

Tuan Shaari bin Jusoh: Yang akhirnya, Tuan Pengerusi, hari ini saya tengok dalam akhbar saya bersetuju sungguh-sungguh tentang Cuba Teka itu saya tidak mahulah hendak komplek tetapi kadang-kadang saya sendiri tidak tahulah, ini terpulung kepada Menteri yang berkenaan tetapi saya yakin yang lebih menarik dan membawa kepada perubahan yang besar ialah Kuiz Ria. Semua orang ikut perhati dalam Kuiz Ria kita sendiri bukan sahaja tengok cara menjawab dan sebagainya tetapi cara pengetahuan umum termasuk kanak-kanak khasnya kanak-kanak sekolah. Misalnya saya katakan tempoh hari Kelas Perpaduan Rakyat, mereka berusaha bersungguh-sungguh dan kita yang tengok pula ada perkara yang kita sendiri tidak tahu tetapi dengan adanya Kuiz Ria itu banyak pengetahuan am kita dapat daripada itu. Jadi, saya berharap kalau boleh Kuiz Ria ini patutlah diadakan selalu, ini membawa manfaat yang amat baik kepada masyarakat di segi pengetahuan umum dan sebagainya.

Dengan ini saya sokong dan saya ucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.17 ptg.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Haji Embong bin Yahya): Tuan Pengerusi, saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kangar yang telah menyentuh Kementerian saya tadi. Saya suka menjawab secara ringkas sahaja iaitu yang pertamanya ialah masalah TV warna.

Memang sebagaimana yang kita sudah beritahu bahawa kalau tidak ada apa aral di akhir Rancangan Malaysia Keempat kita akan dapat membuat sepenuhnya siaran warna, kecuali kalau filem-filem yang tidak warna sahaja baru ianya hitam putih. Masa ini oleh sebab kekurangan studio, jadi tidaklah dapat diberi warna bagi rancangan Bimbingan Agama, bola sepak dan sebagainya.

Masalah bola yang tidak dapat disiarkan dalam warna ialah keadaan api di stadium itu sendiri tidak membekalkan cahaya yang boleh diambil dengan warna. Kita telah berunding dengan pihak Stadium Merdeka, Football Association dan akan dijalankan ubahsuai api di sana dan kalau sekiranya api itu sesuai, harus akan datang kita boleh melihat bahawa siaran bola sepak daripada stadium kita dengan warna.

Rancangan ugama sudah diberi dengan warna seperti Syiar Islam. Nasyid dan lain-lain, tinggal Bimbingan Agama sahaja, oleh sebab masa kita membuat rakaman ini tidak mencukupi studio. Jadi terpaksa kita buat dengan hitam putih dahulu, insya Allah pada tahun hadapan kita akan sesuaikan lagi tiga studio kepada ubahsuai warna dan kita akan beli dua buah lagi outside broadcasting van yang mana ini akan membolehkan kita mengambil dengan warna yang lebih banyak dalam siaran kita.

Mengenai iklan tadi, berkali-kali saya telah katakan bahawa pihak RTM ada mempunyai sebuah jawatankuasa yang menilai semua iklan-iklan yang hendak disiarkan Se-

benarnya iklan itu bukanlah kita buat tetapi oleh kompeni-kompeni atau syarikat-syarikat yang berkenaan.

Dalam iklan rokok yang disebut tadi, memang hasrat kita akan datang hendak mengurangkan suara ataupun hendak melenyapkan suara iklan rokok itu tetapi kita laungkan suara amaran merbahaya itu. Ini boleh mengurangkan sedikit barangkali popular rokok itu. Oleh sebab inilah sahaja yang boleh dibuat sebagai tanggungjawab Kerajaan, kerana dasar Kerajaan kita tidak mengharamkan kemasukan rokok ke negara kita. Jadi kita tidak dapat hendak mengharamkan import rokok itu ke negara kita seperti yang dahulu disuarakan oleh wakil dari Balik Pulau.

Masalah filem tempatan, berkali-kali kita memberitahu bahawa sebenarnya hasrat kita ialah menggunakan 60% lebih siaran tempatan sama ada daripada kebudayaan, nyanyian dan berbagai-bagai lagi tarian dan sebagainya seperti warta berita, peristiwa dan sebagainya; hanya 40% filem-filem luar negeri. Masalah yang besar ialah orang-orang yang hendak menyediakan skrip, penulis-penulis skrip kita sangat berkurangan dan juga yang hendak membuat filem, hendak berlakon dan sebagainya sangat berkurangan, kerana RTM sendiri tidak membuat filem dan kadang-kadang tidak membuat skrip kerana skrip itu datang daripada luar, Misalnya, filem-filem daripada luar negeri kebanyakannya ada sindiket untuk membuat skrip filem sahaja, dia membincangkan empat lima orang, bagaimana patut dikeluarkan filem itu dan sebagainya. Dengan itu ia dapat mengeluarkan filem itu dengan baik. Tetapi kita tak ada yang semacam itu hanya seorang yang menghantar, kadang-kadang skrip itu tak dapat diterima, kita tak dapat hendak menyiarkannya, tetapi kalau sekiranya ada, saya berseru kepada ahli-ahli filem kita yang cenderung kepada filem yang ada pengalaman menulis skrip filem dan juga ahli-ahli pelakon, supaya membuat seberapa banyak filem-filem tempatan dan RTM sedia menyiarkannya.

Dalam bahagian lain saya rasa tidak ada perkara besar yang dibangkitkan oleh Ahli

Yang Berhormat itu dan saya ucapkan sekali lagi terima kasih atas pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$3,561,000 untuk Maksud B.47 di bawah Kementerian Penerangan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$3,561,000 untuk Maksud B. 47 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa peruntukan tanda sebanyak \$10 yang disebutkan dalam Maksud P. 47 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 1980 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P. 47 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4), 1980.

Maksud B. 50 (Jadual Kedua)-

Tuan Pengerusi: Sekarang Maksud B. 50, Anggaran Belanja Mengurus (Tambahan) (Pertama) Tahun 1981 di bawah Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat sekarang terbuka untuk perbahasan. Ahli Yang Berhormat dari Matang.

6.23 ptg.

Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali: Tuan Pengerusi, saya menyokong di atas peruntukan yang dikemukakan oleh pihak Kementerian ini sebagai tambahan yang dimaksudkan.

Saya ingin mengemukakan beberapa masalah yang perlu dipertimbangkan oleh pihak Kementerian. Sebelum itu saya

mengucapkan terima kasih kerana usaha-usaha yang telah dibuat oleh pihak Kementerian menyelesaikan satu masalah buruh dalam sebuah kilang carbide di kawasan saya yang telah selesai dan telah dimaklumkan dalam Parlimen. Tetapi baru-baru ini pula ada sebuah kilang yang berhampiran iaitu kilang aluminium sedang berlaku perselisihan faham di antara pekerja dengan majikan dan oleh sebab itu sehingga masa kita sedang berbincang ini, saya percaya masalah ini belum selesai lagi kerana ada masalah-masalah tertentu. Jadi oleh sebab itu, saya meminta kepada pihak Kerajaan dapat campurtangan untuk menyelesaikan masalah ini, kerana ramai sangat pekerja-pekerja yang tidak hadir bekerja kerana sesuatu sebab yang terjadi di situ dan menyebabkan pula kemungkinan pihak majikan akan membuang pekerja-pekerja yang berkenaan kerana berpunca daripada salah seorang pekerja yang telah dituduh biadab dan telah diambil keputusan oleh majikan yang akhirnya mendapat simpati daripada seluruh pekerja-pekerja ataupun sebahagian besar daripada pekerja-pekerja di kilang berkenaan. Dan akhirnya pekerja-pekerja itu sehingga setakat ini tidak bekerja dan mereka telah berjumpa saya, meminta supaya masalah ini dapat campurtangan oleh pihak Kerajaan dan dapat menyelesaikan masalah mereka dan dengan cara itu semua mereka dapat bekerja semula dan diharap seorang pekerja yang menjadi punca dibuang kerja itu dapat diambil semula oleh pihak majikan untuk bekerja di kilang yang berkenaan.

Selain dari itu masalah buruh ini sehingga setakat ini masih lagi buruh-buruh ini merayu supaya satu gaji minima patut dipertimbangkan menjadi satu peraturan yang ada dalam negara kita ini kerana kadang-kadang ada kilang-kilang yang tidak mahu membayar tanggagaji sepertimana yang dibayar oleh pihak Kerajaan. Jadi pihak swasta tidak dapat menjalankan usaha-usaha membayar gaji minima di dalam negeri ini dan sebahagian besar mereka yang menjadi buruh itu adalah bumiputera dan terlibatlah bumiputera yang begini ramai apabila mereka bekerja tidak mendapat satu tanggagaji yang menasabah untuk mereka.

Selain daripada itu juga di dalam perusahaan kilang ini juga timbul satu masalah ada terdengar khabar pihak majikan tidak dapat menyamakan supaya tiap-tiap kaum yang ada bekerja di kilang mereka dapat dipertimbangkan dengan cara yang sama, sebaliknya masih ada lagi perbezaan pada hal bumiputera pun ada kelayakan, boleh memegang satu-satu jawatan yang tinggi tetapi nampaknya pihak kilang tak berapa sukakan bumiputera, masih mengambil kaum bukan bumiputera khasnya kaum Cina supaya dapat memegang jawatan yang tinggi, bumiputera masih lagi majoritinya bekerja sebagai buruh di dalam kilang itu. Kalau ada diambil bumiputera terlalu sedikit sangat untuk menjalankan usaha-usaha perkilangan di dalam industri perkilangan seperti saya katakan tadi. Oleh sebab itu perkara-perkara yang seperti ini masih terjadi sehingga setakat ini. Jadi eloklah pihak Kerajaan menyiasat supaya dapat diselaraskan, dapat ditentukan kaum bumiputera yang ada kelayakan itu pun patut diberi peluang oleh pihak-pihak majikan yang berkenaan dan janganlah kerana ada sahaja sebuah kilang pihak Kerajaan menganggap kilang ini ada dalam negara kita yang mana patut semua bangsa mendapat bekerja, tiba-tiba masih lagi di pandang bahawa bumiputera dengan cara gaji lain, tidak layak dapat pangkat, orang Cina pula dapat pangkat, patut dapat gaji tinggi dan sebagainya. Dengan cara begini mudahkan berbangkit salah faham di sesebuah kilang dan apabila berbangkit salah faham, mudahlah timbul sebarang masalah yang kecil boleh dibesar-besarkan oleh pihak-pihak yang tertentu. Jadi oleh sebab itu diminta pihak Kerajaan dapat menyiasat perkara-perkara yang seperti ini diperbaiki supaya salah faham yang seperti ini dapat dihilangkan di peringkat perusahaan perkilangan di dalam negara kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.27 ptg.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan William Lye Chee Hien): Tuan Pengerusi, saya ucapkan setinggi terima kasih

kepada Ahli Yang Berhormat dari Matang yang telah mengambil bahagian di atas perbincangan Anggaran Belanja Mengurus (Tambahan) (Pertama) untuk Kementerian saya.

Untuk menjawab perkara yang dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat itu, pertama ialah masalah sebuah kilang aluminium di Perak, pada masa ini memang Kementerian saya sedar hal ini dan kami juga sedar ada pertikaian di antara majikan dan pekerja-pekerja oleh kerana ada beberapa pekerja telah dibuang kerja. Kementerian saya ada mengambil perhatian dan buat masa sekarang Kementerian saya pun sudah menghantar pegawai-pegawai termasuk juga Pegawai Perhubungan Perindustrian supaya boleh siasat dan selesaikan perkara ini, tetapi buat masa ini belum lagi dapat ditetapkan, apa caranya kerana siasatan sedang dijalankan sekarang. Mengenai perkara. . . .

Tuan Pengerusi: Ada hendak jawab lagi? Ada sambungan hendak jawab lagi?

Tuan William Lye Chee Hien: Ada sedikit sahaja lagi.

Tuan Pengerusi: Ya, sedikit, sedikitkah atau ada lagi, kalau hendak, boleh sambung esok.

Tuan William Lye Chee Hien: Boleh saya sambung esok?

Tuan Pengerusi: Baik.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 hari esok, Selasa, 8hb Disember, 1981.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.